

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN
RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan
Jawab Lisan Harian Yang Tidak
Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARI SELASA: 04 OKTOBER 2011

CAWANGAN
PERUNDAIMGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI

TARIKH

4 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Ir. Haji Hamim Bin Samuri ^{NO.1} [**Ledang**] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kemajuan Alumni di semua IPTA dan aktiviti-aktiviti berkesan yang menyumbang kepada pembangunan serta kemajuan negara yang telah dijalankan. Nyatakan aktiviti yang paling popular yang telah dijalankan pada tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kecuali Universiti Malaysia Kelantan, setiap 19 buah IPTA yang lain telahpun masing-masing menubuhkan Pusat Perhubungan Alumni. Pusat ini bertanggungjawab menjadi penghubung kepada alumni dengan universiti, selaras dengan perkembangan pesat universiti dan juga pertambahan bilangan alumninya. Pusat Perhubungan Alumni ini juga menjadi penghubung perkongsian pintar diantara universiti dan para alumni agar jaringan dan rangkaian silaturrahim alumni akan terus erat, kukuh lagi mantap dan seterusnya memberi manfaat kepada universiti, graduan, industri dan negara.

Aktiviti yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk membawa kembali alumni sebagai rakan dan pendokong kepada aspirasi untuk menjadi universiti bertaraf dunia. Di antara aktiviti yang telah dijalankan oleh persatuan alumni IPTA pada tahun ini termasuklah siri seminar, aktiviti sukan alumni, aktiviti kesukarelawanan alumni, siri syarahan alumni, Forum Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Jejak

Alumni.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN**

KAWASAN

PASIR PUTEH

**TARIKH
NO. SOALAN**

**4 OKTOBER 2011
2**

**Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)
menyatakan kesan lambakan barangan China ke atas ekonomi
Malaysia**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Negara China merupakan rakan perdagangan terbesar bagi

Malaysia selepas Singapura, Amerika Syarikat dan Jepun. Jumlah perdagangan pada tahun 2010 ialah RM147.0 bilion atau 12.6 peratus daripada perdagangan luar Malaysia berbanding RM23.8 bilion pada tahun 2000 (3 peratus) yang mencatatkan peningkatan sebanyak 5 kali ganda. Pada tahun 2010, jumlah eksport Malaysia ke China bernilai RM80.6 bilion dan jumlah import Malaysia dari China bernilai RM66.4 bilion. Lebihan dagangan adalah sebanyak RM14.2 bilion yang menyebelahi Malaysia. Bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, jumlah perdagangan adalah RM77.5 bilion dimana eksport Malaysia ke China adalah sebanyak RM42.7 bilion dan import Malaysia dari China adalah sebanyak RM34.7 bilion. Eksoort utama Malaysia ke negara China adalah keluaran elektrik dan elektrik, minyak sawit, petrokimia dan keluaran getah. Import utama adalah keluaran elektrik, besi dan keluli, mesin dan barang kimia.

Lambakan didefinasikan sebagai keadaan di mana harga barangan yang dieksport adalah lebih murah berbanding harga

jualan di negara asal. Aktiviti lambakan boleh menimbulkan persaingan yang tidak adil dan menyebabkan kemerosotan jualan dan syer pasaran pengusaha-pengusaha tempatan serta memudaratkan industri tempatan.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat industri tempatan yang merasai impak pelbagai Perjanjian Perdagangan Bebas yang dilaksanakan termasuk Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA) yang telah dilaksanakan sepenuhnya pada 1 Januari 2010. Duti import ke atas 90 peratus barangan telah dimansuhkan oleh ASEAN dan China. Ini telah menyebabkan produk-produk dari negara China memasuki pasaran ASEAN dengan harga yang rendah. Di antara industri-industri yang merasai kesan pelaksanaan Perjanjian ini adalah seperti tekstil, kasut, perabot, besi dan keluli. Impak seperti ini juga dihadapi oleh lain negara-negara ASEAN seperti Indonesia, Thailand, dan Filipina.

Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah memastikan produk-produk yang diimport mematuhi aspek standard, kesihatan, keselamatan, Sanitari dan Fito-

Sanitari (SPS). Di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China, produk-produk yang diimport ke Malaysia harus memenuhi elemen-elemen di atas seperti yang termaktub di dalam Perjanjian tersebut dan juga Peraturan Syarat Tempasal (*Rules of Origin - R00*). Bagi produk- produk yang tidak mematuhi elemen-elemen keselamatan, kesihatan, standard dan SPS, barang-barang tersebut tidak akan dibenarkan masuk ke Malaysia.

Bagi menangani aktiviti lambakan, Kerajaan boleh mengambil tindakan yang sesuai mengikut peraturan- peraturan di bawah WTO dan Akta 1993 *Countervailing and Anti-Dumping Duties* dan *Countervailing and Anti-Dumping Duties Regulations* 1994. Jika aduan diterima mengenai kegiatan lambakan, Kerajaan akan menjalankan siasatan dan mengenakan duti anti-lambakan sekiranya terbukti bahawa barangan yang dieksport tersebut memudaratkan industri tempatan.

Sehingga kini hanya satu siasatan anti-lambakan terhadap barangan dari China dilakukan, iaitu bagi produk basikal. Hasil siasatan tersebut, duti anti-lambakan sebanyak 11.83% hingga 186.09% telah dikenakan ke atas produk basikal yang diimport dari China. Duti anti-lambakan ini dikenakan selama lima tahun bermula pada 18 Januari 2003 sehingga 17 Januari 2008.

Dari sudut positif, pelaksanaan ACFTA telah membolehkan syarikat-syarikat Malaysia menubuhkan operasi di China untuk mengambil peluang liberalisasi pasaran China. Ini merupakan strategi perniagaan di mana syarikat-syarikat Malaysia telah mengambil pendekatan bagi merasionalisasikan perniagaan berdasarkan *comparative advantage*.

Selain daripada itu, pemborong-pemborong besar di Malaysia

juga telah mengubahsui strategi perniagaan di mana mereka mengimport barangan dari China dengan harga rendah dan keuntungan yang diperolehi digunakan sebagai *cross-subsidy* bagi menjual lain barangan yang lebih mahal di mana keuntungan adalah rendah. Strategi ini digunakan oleh pemborong-pemborong utama di Malaysia dan di pusat jualan seperti di Nilai, Seremban dan lain-lain pusat jualan utama. Strategi ini juga memberi faedah kepada pengguna.

Kerajaan sentiasa memantau impak FTA dan akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk memastikan industri tempatan dapat bersaing dengan China. Peranan utama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah untuk memastikan perdagangan dijalankan

secara bebas tetapi adil dan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Sekiranya terdapat lambakan, Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

No. Soalan : [3] PR-
1243-L45956

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI P ADA

DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

TARIKH

4 OKTOBER 2011

SOALAN

YB Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah bentuk kerjasama yang telah berjaya dibangkitkan oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Vatican di Rome sempena kunjungan YAB Perdana Menteri dan pertemuan dengan Paus, pemimpin gereja Katolik dunia di sana.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua

Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Libaran bersama dengan soalan Yang Berhormat dari Tebrau bertarikh 12 Oktober 2011 kerana kedua-duanya menyentuh perkara yang sama

2. Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan.

3. Seperti yang Dewan yang mulia ini sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah mengadakan lawatan rasmi ke Vatican City pada 18 Julai 2011. Hasil utama lawatan tersebut ialah perjumpaan di antara YAB Perdana Menteri dengan Paus Benedict XVI, di mana YAB Perdana Menteri telah berkesempatan untuk menerangkan inisiatif Gerakan Global ke Arah Kesederhanaan. Inisiatif tersebut disambut baik oleh Paus Benedict XVI kerana Malaysia dan Holy See menyedari nilai kebaikan bersama (*common values*) yang dianjurkan oleh semua agama.

4. Intipati utama inisiatif tersebut juga merangkumi kerjasama di antara golongan-golongan sederhana (Wasatiyah) tanpa mengira agama serta menggalakkan dialog antara agama bagi melahirkan masyarakat yang bersatu-padu dan menghormati diantara satu sama lain.

5. Hasil lawatan itu juga menandakan penubuhan hubungan diplomatik Malaysia-Holy See secara rasmi pada 18 Julai 2011. Hubungan ini

merentasi sempadan kerjasama dua hala dan diplomatik yang melibatkan usaha untuk saling memahami antara semua agama samawi di dunia.

6. Dengan penubuhan hubungan diplomatik ini, Malaysia kini merupakan di antara 179 buah negara di dunia yang telah mengadakan hubungan diplomatik dengan Holy See. Malaysia juga termasuk di dalam 48 daripada 57 buah negara *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC) yang telah mewujudkan hubungan diplomatik dengan Holy See.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PAD A : Y.B. TUAN SAIFUDDINNASUTION BIN ISMAIL
(MACHANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.10.2011

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perihal perjanjian pertukaran saham MAS-Air Asia dan kesannya terhadap masa depan industri pengangkutan udara negara

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN

Saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan YB Machang pada hari ini dan pertanyaan-pertanyaan yang akan dikemukakan oleh YB Kapit pada 5 Oktober, YB Ipoh Timur pada 6 Oktober, YB Putatan pada 11 Oktober, YB Mukah dan YB Pendang pada 13 Oktober, YB Sabak Bernam pada 25 Oktober, YB Bukit Katil dan YB Sepang pada 1 November, YB Selayang dan YB Pokok Sena pada 2 November, YB Arau pada 15 November, YB Wangsa Maju pada 22 November, YB Kuala Selangor pada 23 November dan YB Bachok pada 1 Disember 2011 memandangkan kesemua pertanyaan menyentuh perkara yang berkaitan transaksi pertukaran bersilang saham atau *share swap* di antara MAS-AirAsia. Oleh itu, izinkanlah saya memberi penjelasan yang panjang sedikit memandangkan minat yang menyeluruh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, pada 9 Ogos 2011, Malaysian Airline System Bhd (MAS), AirAsia Bhd (AirAsia) dan AirAsia X Sdn Bhd (AirAsia X) telah menyertai Rangka kerja Kolaborasi Komprehensif (CCF) atau *Comprehensive Collaborative Framework* bagi meneroka peluang kerjasama dalam pelbagai bidang. CCF tersebut melibatkan tiga perkara utama, iaitu perjanjian kerjasama, perjanjian pemegang saham dan pengawasan:

i) Perjanjian Kerjasama

- CCF merupakan rangka kerja kerjasama yang menggariskan prinsip-prinsip panduan (*guiding principles*) yang mesti diikuti oleh ketiga-tiga pihak iaitu MAS, AirAsia dan AirAsia X.

Di antara prinsip-prinsip tersebut adalah seperti berikut:

- i) Semua pihak akan mendapat faedah dan manfaat daripada perjanjian ini;
 - ii) Tiada pihak yang akan berada dalam kedudukan yang merugikan berbanding keadaan sebelum perjanjian; dan
 - iii) Mengenal pasti bidang-bidang kerjasama yang akan diikuti oleh ketiga-tiga syarikat.
- Tempoh CCF adalah selama 5 tahun, dengan pilihan untuk melanjutkan tempoh perjanjian selama 5 tahun lagi. Tempoh ini adalah bagi memberikan masa yang secukupnya untuk semua pihak memperolehi manfaat yang ketara hasil jalinan kerjasama.

i) Perjanjian Pemegang Saham

Melibatkan pertukaran saham antara Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), pemegang saham utama MAS, dan Tune Air Sdn Bhd (Tune Air), pemegang saham

utama AirAsia.

- Untuk menjaga kepentingan pemegang saham minoriti, AirAsia akan menerbitkan waran untuk para pemegang saham MAS. Dan MAS juga akan menerbitkan waran untuk para pemegang saham AirAsia secara percuma pada nisbah yang telah ditetapkan.

ii) Dari segi pengawasan:

Beberapa ahli lembaga pengarah yang sama akan dilantik untuk menduduki di kedua-dua syarikat

- Sebuah Jawatankuasa Kerjasama Bersama akan diwujudkan yang melibatkan pengarah daripada kedua-dua buah syarikat penerbangan untuk melaksanakan perjanjian.

Sebuah Panel Penasihat Kerjasama akan diwujudkan bagi memastikan kedua-dua belah pihak memelihara kepentingan awam dalam operasi masing-masing, serta meningkatkan imej dan nama baik Malaysia, terutamanya di arena antarabangsa.

Rangka kerja ini akan dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya tidak bercanggah dengan undang-undang anti persaingan.

3. Bagi mengukuhkan kerjasama dan memberikan manfaat bersama, Khazanah dan Tune Air telah memiliki saham kedua-dua syarikat penerbangan. Tune Air memegang 20.5% saham dalam MAS sementara Khazanah memegang 10% saham AirAsia. Nisbah pertukaran saham adalah berdasarkan kepada harga saham ketika penutup sesi dagangan pada 5 Ogos 2011. Memandangkan kedua-dua syarikat tersebut merupakan entiti yang tersenarai, pertukaran saham tersebut adalah berdasarkan kepada harga pasaran saham yang mencerminkan nilai saham yang wajar dan berpatutan.

4. Khazanah juga sedang melaksanakan kajian menyeluruh {due

diligence) atas kedudukan kewangan dan model perniagaan syarikat AirAsia X dan keputusan untuk memiliki saham AirAsia X adalah bergantung pada hasil kajian tersebut

5. Lanjutan daripada pertukaran saham MAS-AirAsia tersebut, setakat 20 September 2011, para pemegang saham utama MAS adalah seperti berikut:

- i) Khazanah Nasional Bhd - 48.87%
- ii) Tune Air Sdn Bhd - 20.5%
- iii) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja - 10.54%

Para pemegang saham utama AirAsia setakat 23 September 2011 pula adalah seperti berikut:

- i) Tune Air Sdn Bhd-13.1%
- ii) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja - 10.35%
- iii) Khazanah Nasional Bhd - 10%
- iv) Genesis Smaller Companies - 5.43%
- v) Wellington Management Company, LLP - 5.04%

6. Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya, rasional CCF adalah seperti berikut:

- i) Meningkatkan mutu produk dan perkhidmatan kepada pelanggan serta mengukuhkan persekitaran industri penerbangan negara;
- ii) Meneroka bidang-bidang kerjasama yang berpotensi termasuk pembelian pesawat, kejuruteraan, perkhidmatan darat dan sokongan, perkhidmatan kargo, catering dan latihan;
- iii) Penyelarasan kepentingan bersama para pemegang saham bagi mengukuhkan kerjasama;
- iv) Ianya selari dengan hasrat Kerajaan untuk menyaksikan kerjasama antara pihak Kerajaan dan swasta; dan,

- v) Memastikan industri penerbangan negara kekal mapan dan kukuh untuk menghadapi persaingan di peringkat global.

7. CCF dijangka memberi manfaat kepada tiga kumpulan utama, iaitu pemegang saham, orang ramai/industri dan kakitangan seperti berikut:

- i) Dari segi manfaat kepada pemegang saham
 - a. Kedua-dua jenama, MAS dan AirAsia akan terus dibangunkan sebagai dua produk berbeza yang berlandaskan kepada kekuatan masing-masing.
 - b. Sinergi yang lahir akan mampu memberi nilai tambah serta-merta kepada MAS dan AirAsia.
 - c. Pertumbuhan jangka panjang yang mapan bagi ketiga-tiga syarikat penerbangan melalui kerjasama dan penyelarasan pemegang saham.

- ii) Manfaat kepada orang ramai/industri
 - a. Peningkatan mutu produk dan perkhidmatan kepada pelanggan.
 - b. Firefly akan menjadi syarikat penerbangan perkhidmatan penuh (*full service*) serantau.
 - c. Jaringan yang lebih baik bagi penerbangan ke dalam dan luar negara serta mengukuhkan kedudukan KLIA sebagai hab penerbangan serantau bagi syarikat penerbangan penuh (*full service carrier*) dan syarikat penerbangan tambang murah (*low cost carrier*).
 - d. Mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan di Malaysia hasil daripada kesan gandaan kepada negara yang dijangka daripada kemasukan penumpang dan pelancong yang lebih ramai.
 - e. AirAsia dan AirAsia X kini boleh menumpukan kepada usaha mengurangkan lagi kos secara lebih ketara.

iii) Manfaat kepada kakitangan pula ialah:

- a. Mewujudkan suasana kondusif bagi sektor

- penerbangan dalam negara yang terus berkembang.
- b. Melahirkan bakat yang bertaraf dunia melalui proses pembelajaran silang amalan terbaik serta peluang pembangunan kerjaya di ketiga-tiga syarikat penerbangan.

Harus ditekankan di sini bahawa kerjasama di bawah CCF ini adalah hanya sebahagian daripada rancangan pemulihan MAS. MAS akan terus menumpukan usaha untuk memperbaiki operasi dan memperkukuhkan kewangannya, dalam usaha menjadi syarikat penerbangan yang berdaya maju di masa depan.

8. Berkaitan kebimbangan kesatuan sekerja pula, MAS akan terus mengambil kira kepentingan kakitangan dalam setiap keputusan perniagaannya. MAS telah pun memulakan perbincangan dengan kesatuan sekerja untuk menjelaskan tentang CCF secara terperinci dan jelas. Dengan perbincangan dan penjelasan tersebut, diharap akan wujud kesefahaman yang lebih baik di kalangan semua pihak, untuk sama-sama menyokong usaha pengukuhan industri penerbangan di Malaysia di tahap yang lebih tinggi lagi.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN
HAJI SALLEH [KALABAKAN]

TARIKH : 4 OKTOBER 2011

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan]

minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :

- (a) apakah Kementerian maklum bahawa sudah beberapa kali banjir besar berlaku secara mendadak di Kg Pasir Putih, sebuah perkampungan Melayu dalam kawasan Kalabakan; dan
- (b) jika maklum apakah Kementerian sudah mengkaji secara terperinci apakah penyebab sebenar tragedi ini berlaku dan seterusnya apakah Kementerian akan mengambil langkah-langkah pencegahan agar ianya tidak berulang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedia maklum tentang kejadian banjir yang berlaku di Kg. Pasir Putih di Kalabakan, Sabah.

(b) Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah membuat kajian awalan dan mendapati punca kejadian banjir adalah akibat hujan lebat dan kedudukan kampung di kawasan yang rendah. Banjir berlaku apabila air sungai yang melimpah akibat hujan lebat bertembung dengan air pasang laut.

Sebagai langkah jangka pendek untuk mengurangkan kekerapan dan intensiti banjir di Kg. Pasir Putih, Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan peruntukan sejumlah RM 4 juta untuk kerja-kerja mendalamkan muara alur lencongan banjir itu di sebelah hilir Kg. Pasir Putih. Kerja-kerja ini akan bermula pada pertengahan bulan Oktober tahun ini.

Penyelesaian jangka masa panjang memerlukan peruntukan yang sewajarnya bagi mengatasi masalah banjir di seluruh Lembangan Sungai Tawau termasuk Kg. Pasir Putih.

Sehubungan dengan itu, pihak JPS telah memohon kelulusan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sg. Tawau di bawah *Second Rolling Plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Cadangan projek ini melibatkan dua komponen kerja utama, iaitu:

2

- i. menaiktaraf alur lencongan Sg. Tawau melalui Kg. Pasir Putih sehingga ke laut (di kawasan Ladalam), dan
- ii. menaiktaraf Sg. Tawau di bahagian hilir dari simpang Parit Sin On sehingga ke laut (di Kg. Titingan).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTA JAM]

TARIKH 4 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN

SOALAN NO. 7

YB Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan bagaimana Pelan Transformasi Negara akan memanfaatkan golongan miskin, suri rumah tangga, wanita yang bekerja dan orang kurang upaya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Pelan transformasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan sama ada melalui Program Transformasi Kerajaan (*Government Transformation Programme - GTP*) mahupun Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme - ETP*) adalah merupakan pendekatan inklusif yang dapat memperluas keupayaan rakyat, termasuk golongan miskin, suri rumah tangga, wanita yang bekerja dan orang kurang upaya untuk menyertai dan mendapat faedah daripada pembaharuan sistem penyampaian dan aktiviti

ekonomi.

Di bawah GTP, satu Bidang Keberhasilan Utama Negara bagi meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah (NKRA LIH) telah diwujudkan yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). NKRA LIH menggunakan pendekatan, dengan izin, "*productive welfare*" di mana golongan miskin yang produktif dibantu untuk menjana pendapatan sendiri melalui Program 1AZAM.

Program ini disasarkan kepada ketua isi rumah miskin tegar dan miskin yang berdaftar dengan sistem eKasih dan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, termasuk orang kurang upaya. Para peserta dibantu melalui pelbagai aktiviti ekonomi seperti dalam bidang pertanian (AZAM Tani), perniagaan (AZAM Niaga), serta disediakan peluang pekerjaan (AZAM Kerja) dan menceburi sektor perkhidmatan (AZAM Khidmat). Melalui program ini, golongan miskin akan dapat dikeluarkan daripada kepompong kemiskinan. Inisiatif di bawah 1AZAM dilaksanakan menerusi kerjasama pintar dengan agensi pelaksana iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sumber Manusia, Amanah Ikhtiar Malaysia serta dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak. Sehingga

18 Jun 2011, sejumlah 30,335 ketua isi rumah telah menyertai Program 1AZAM.

Tuan Yang Di Pertua,

NKRA LIH juga memberi fokus kepada pengupayaan ekonomi wanita, sama ada berstatus suri rumah mahupun yang bekerja. Dalam hal ini, NKRA LIH mensasarkan kelahiran seramai 4,000 orang usahawan wanita pada akhir tahun 2012. Bagi tempoh Januari 2010 sehingga 31 Ogos 2011, seramai 2,680 orang usahawan wanita telah berjaya dilahirkan.

Pada tahun 2011, 4 sub NKRA telah ditetapkan di bawah NKRA LIH bagi mengukur pencapaian dan memperkemaskan pemantauan inisiatif NKRA iaitu:

- a) memastikan 57,793 isi rumah miskin menyertai Program 1AZAM;
- b) memastikan pengesahan pendaftaran terbuka sistem eKasih;
- c) melatih dan membangunkan 1,000 orang usahawan wanita dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia; dan

- d) meningkatkan kadar pemilikan dan penyewaan rumah di kalangan rakyat berpendapatan rendah.

Tuan Yang Di Pertua,

Golongan berpendapatan rendah turut mendapat manfaat daripada program lain di bawah inisiatif NKRA LIH seperti Skim Insurans 1AZAM, Projek Sanitasi dan Kumbahan, Projek Kemasyarakatan 1AZAM, Elaun Bulanan 1AZAM dan Program Perubahan Minda.

Tuan Yang Di Pertua,

Pembangunan dan kesejahteraan golongan wanita, termasuk suri rumah dan wanita yang bekerja turut mendapat perhatian di bawah Program Transformasi Ekonomi. Antara lain, program ini sewaktu tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) mensasarkan peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga buruh kepada 55 peratus pada tahun 2015, keseimbangan keluarga dan kerjaya serta penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan. Bagi mencapai sasaran tersebut, antara langkah yang dirangka ialah penyediaan

perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang profesional dan mampu biaya (*professional and affordable*) melalui penambahan bilangan taska, termasuk taska komuniti, mengkaji peraturan sedia ada ke arah pelaksanaan amalan kerja yang lebih anjal, mempergiatkan latihan khusus (*customised*) bagi wanita untuk memudahkan mereka memasuki dan memasuki semula pasaran pekerjaan serta menangani isu-isu perundangan, struktur dan budaya yang menghalang peningkatan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan.

Tuan Yang Di Pertua,

Usaha ke arah memastikan golongan orang kurang upaya terangkum dalam pembangunan negara terus dipergiatkan. Aspek aksesibiliti orang kurang upaya kepada bangunan dan kemudahan awam menjadi agenda utama Kerajaan. Misalnya, bagi meningkatkan kepekaan pihak berkuasa tempatan terhadap kepentingan dan keperluan orang kurang upaya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menganjurkan Seminar Aksesibiliti OKU Kepada Bangunan Dan Kemudahan Awam

dengan tema “PBT Prihatin, OKU Inklusif” pada 24 November 2011. Selain itu, Kerajaan juga berusaha untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada OKU selaras dengan Dasar 1 Peratus Peluang Pekerjaan Di Sektor Awam Kepada OKU.

Tuan Yang Di Pertua,

Jelaslah kepada kita bahawa program transformasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan sesungguhnya memberi manfaat kepada semua lapisan rakyat, termasuk golongan miskin, suri rumah tangga, wanita yang bekerja dan orang kurang upaya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN TENG BOON SOON
[TEBRAU]
TARIKH 4 OKTOBER 2011
SOALAN

Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilangan penyakit 'Depression' di kalangan program murid sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, universiti serta rakyat umum. Apakah program pendidikan dan pencegahan disediakan untuk membantu rakyat menhadapi masalah berkaitan?

TUAN YANG DIPERTUA,

Pertubuhan Kesihatan Sedunia melalui Kajian *Global Burden of Disease, 2000 Study* meramalkan secara global kemurungan dijangka

SOALAN NO : 7

akan menduduki tempat kedua di antara sepuluh (10) penyakit teratas yang disenaraikan menjelang 2020. Kementerian Kesihatan tiada data spesifik untuk depression dikalangan murid- murid sekolah rendah, pelajar menengah dan universiti. Walaubagaimana pun, menurut data yang dikumpulkan oleh

Kementerian Kesihatan Malaysia, sepanjang 5 tahun yang lepas iaitu dari tahun 2006 - 2010, sejumlah 23,436 pesakit telah menerima rawatan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan bagi penyakit mental kategori *mood (affective) disorders* dan *Neurotic, stress-related and somatoform disorders* di mana penyakit kemurungan tergolong di bawah kedua-dua kategori tersebut. Ini merupakan 17.4% dari jumlah keseluruhan gangguan mental yang menerima rawatan di hospital dalam tempoh 5 tahun tersebut.

Kementerian Kesihatan telah menyediakan beberapa program promosi dan pencegahan bagi membantu rakyat menghadapi masalah berkenaan seperti berikut:

(a) Aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kesedaran awam tentang kesihatan mental dan penyakit mental telah dilaksanakan semenjak tahun 2000 meliputi kem-kem kesihatan; pameran; ceramah, dialog dan forum yang dilaksanakan melalui Sambutan Hari Kesihatan Mental dan Kempen Cara Hidup Sihat. Kempen Cara Hidup Sihat memfokuskan kepada mempromosikan kesihatan mental melalui skop Pupuk Minda Sihat Menangani Stres kerana stres berterusan dan tidak dapat ditangani akan menyebabkan kemurungan. Aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental yang lain adalah penghasilan bahan-bahan pendidikan kesihatan berbentuk risalah dan poster, Maklumat jitu dan tepat tentang topik-topik kesihatan mental dan penyakit mental termasuk kemurungan juga yang disalurkan melalui media cetak dan media elektronik serta laman sesawang KKM iaitu www.myhealth.gov.my.

(b) Melalui Program Kesihatan Mental Komuniti, Kementerian juga telah mewujudkan Perkhidmatan Saringan dan Intervensi Minda Sihat yang dilaksanakan melalui aktiviti *outreach* dan secara intergrasi di klinik-klinik kesihatan di mana ia merangkumi aktiviti saringan tahap kesihatan mental termasuk stres, keresahan (*anxiety*) dan kemurungan (*depression*) serta intervensi minda sihat kepada masyarakat. Sepanjang tempoh 2007 - 2010, seramai 5933 orang individu telah menjalani saringan tersebut di klinik-klinik kesihatan dan didapati seramai 981 (17.0%) orang dikesan mengalami tanda- tanda kemurungan.

(c) Perkhidmatan rawatan psikiatri disediakan b yang mempunyai masalah kesihatan mental dan pesakit mental di 4 buah institusi mental dan 38 buah hospital-hospital kerajaan seluruh Malaysia dengan sejumlah 124 orang Pakar Psikiatri, 3 orang Pegawai Psikologi Klinikal, 20 orang kaunselor bertauliah dan 57 pegawai psikologi (yang menjalankan tugas-tugas kaunseling), bagi membantu individu-individu yang mempunyai masalah kesihatan mental dan penyakit mental. Di peringkat primer, 671 klinik kesihatan (83.7%) memberikan perkhidmatan rawatan kesihatan mental. Pakar- pakar perubatan keluarga juga ditempatkan di klinik-klinik kesihatan untuk mengesan dan memberi rawatan awal kepada pesakit yang dikenalpasti berpenyakit mental.

(d) Garis panduan Amalan Klinikal bagi Pengendalian kemurungan (*Clinical Practice Guideline on Management of Depression*) telah pun dihasilkan semenjak tahun 2008 bagi melatih anggota kesihatan

daripada pelbagai kategori seperti Pakar Psikiatri, Pakar Perubatan Keluarga, Pembantu Perubatan dan Jururawat bagi mengesan penyakit mental termasuk kemurungan di peringkat awal.

(e) Pelaksanaan aktiviti pemerikasaan komuniti dengan melatih komuniti tentang kemahiran menangani stress. Melalui Program Intervensi Bersepadu NCDP1 Malaysia, elemen menangani stress turut dimasukkan sebagai salah komponen intervensi. Selain itu, saringan minda sihat bagi mengenalpasti tahap stress, keresahan dan kemurungan akan terus diperluaskan ke klinik-klinik kesihatan di setiap negeri dan intervensi akan diberikan kepada mereka yang dikenalpasti berisiko mempunyai masalah kesihatan mental. Sehingga kini, seramai 704 sukarelawan telah dilatih di peringkat komuniti tentang kemahiran menangani stress.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI]
TARIKH	04.10.2011(SELASA)

TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah rancangan terancang dan sistematik Kerajaan terhadap tindakan kartel-kartel barangan makanan seperti ayam, ikan, dan bahan makanan bermusim yang menjadi sandaran permainan harga siling saban tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah melaksanakan beberapa rancangan terancang dan sistematik terhadap tindakan kartel-kartel barangan makanan seperti ayam, ikan dan bahan makanan bermusim yang menjadi sandaran permainan harga siling saban tahun. Rancangan terancang dan sistematik tersebut adalah seperti:

7. Menetapkan harga runcit terhadap beberapa barang perlu secara pentadbiran melalui persetujuan diantar pihak industri dan Kementerian. Sebarang perubahan harga barangan ini perlu mendapat kebenaran daripada Kementerian.

SOALAN:9

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS TAHUN 2011
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PADA YB Dato' Haji Abd Rahman
bin Dahlan (Kota Belud)**

TARIKH 4 OKTOBER 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan status terkini program Kementerian dalam pembekalan air dan jalan raya

di daerah Kota Belud. Adakah ianya mengikut jadual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam tempoh NKRA yang bermula pada tahun 2010 hingga 2012, Kerajaan memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek infrastruktur asas di kawasan luar bandar di seluruh negara.

Pada tahun 2011 dan 2012, terdapat 49 Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di kawasan Kota Belud yang sedang dalam pelaksanaan dengan anggaran kos berjumlah RM104.76 juta. Pelaksanaan projek ini akan memberi manfaat kepada 6,786 buah rumah di kawasan Kota Belud.

Bagi pelaksanaan projek Jalan Luar Bandar

(JALB) di negeri Sabah pula, Kerajaan telah

memperuntukkan sejumlah RM2.0 billion untuk pembinaan 180 batang jalan dengan jumlah panjang 1,036 km. Daripada jumlah tersebut, RM 100.76 juta telah diperuntukkan untuk membina 9 batang jalan di daerah Kota Belud dengan panjang 54.93 km. Bagi kesemua projek ini, 2 projek telah siap, 6 projek dalam pembinaan dan 1 projek dalam proses tawaran. Semua projek di daerah Kota Belud di laksanakan mengikut jadual seperti yang telah dirancang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA

[BACHOK]

TARIKH 4 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa [Bachok] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Perempuan Bersuami dan Kanak-kanak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 supaya membolehkan mahkamah syariah di dalam sesuatu negeri membuat perintah tahanan pendapatan di bawah Akta tersebut dan perintah itu berkesan di negeri
JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Perempuan Bersuami dan Kanak-kanak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 [Akta 356] telah memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah di dalam sesuatu negeri kecuali Sabah dan Sarawak boleh membuat perintah tahanan pendapatan dan perintah itu dikuatkuasakan di negeri lain kecuali Sabah dan Sarawak. Peruntukan ini masing-masing di bawah seksyen 4 dan perenggan 15(c). Bagi Negeri Sarawak, perintah tahanan pendapatan telah diperuntukkan

di bawah seksyen 81 Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 2001 (Ordinan 43 Tahun 2001). Manakala bagi Negeri Sabah pula, perintah tahanan pendapatan telah diperuntukkan di bawah seksyen 83 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1992 (Enakmen 15 Tahun 1992). Sehubungan dengan itu, tiada keperluan untuk meminda Akta Perempuan Bersuami dan Kanak-kanak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 [Akta 356] bagi tujuan membolehkan mahkamah syariah di dalam sesuatu negeri membuat perintah tahanan pendapatan.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA
BELAS TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH
BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

TARIKH : 4 OKTOBER 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan pembinaan sebuah Dewan Serba Guna di Kampung Penipah, Pulau Bruit kerana kampung ini tidak mempunyai sebarang dewan bagi kegunaan pelbagai majlis kampung.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian belum menerima permohonan berhubung pembinaan Dewan Serbaguna di Kampung Penipah, Pulau Bruit. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut akan dipertimbangkan untuk pelaksanaan pada 2012 tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

SOALAN(12)

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH 4 OKTOBER 2011 (SELASA)
DARIPADA Y.B. TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]

SOALAN

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa MPM tidak memberikan tanah dan peruntukan untuk pembinaan mercu tanda tarian singa di Muar. Sebaliknya persatuan berkenaan perlu menerima dermaan tanah dari pihak swasta. Apakah sumbangan dari segi sumber kewangan dari MPM dalam perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Perbandaran Muar mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan prasarana kemudahan awam bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat seperti menaik taraf jalan, membina parit dan longkang, dewan masyarakat, pasar, kemudahan sukan, gerai, tempat letak kereta, tandas awam, dan laluan pejalan kaki yang bersifat *'people centric'*. Pembinaan mercu tanda tarian singa bukannya satu projek yang boleh dikategorikan sebagai kemudahan awam maka adalah wajar pihak persatuan menguruskan pembinaan mercu tanda ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hanya menyediakan peruntukan dalam membantu PBT membina kemudahan-kemudahan awam yang berkepentingan kepada rakyat.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Oktober 2011

SOALAN NO: 13

DARIPADA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
TARIKH
DEWAN RAKYAT
ABDULLAH BIN MD. ZIN
BUJUKAN
PERTANYAAN **JAWAB LISAN [BESUT]**
SOALAN **4 OKTOBER 2011**
4035
DATO'
SERI
DR.

Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah aduan yang telah dibuat di balai polis seluruh Malaysia mengikut tahun iaitu dari Januari 2009 hingga Jun 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Besut yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang muiia ini, jumlah aduan yang telah diterima di balai polis di seluruh Malaysia bagi tempoh dari Januari 2009 hingga Jun 2011 adalah sebanyak **7,239,777** aduan. Jumlah aduan yang diterima mengikut pecahan tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH ADUAN
2009	2,742,674
2010	2,966,648
2011 (SEHINGGA BULAN JUN)	1,530,455
JUMLAH KESELURUHAN	7,239,777 aduan

Pihak PDRM sentiasa komited dan berusaha untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan aduan-aduan tersebut dapat diselesaikan dengan kadar segera.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

NO. SOALAN: 14

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
[KETEREH]
TARIKH 04 OKTOBER 2011
SOALAN

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini cadangan pembinaan Hospital Bachok. Kenapakah kerja pembinaan belum dimulakan dan di manakah tapak yang telah diputuskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengenal pasti tapak seluas 50 ekar di Kampung Kuchelong, Bachok. Urusan perolehan tanah telah pun selesai dilaksanakan yang dibuat secara pengambilan balik tanah. Urusan pengambilan balik tanah itu mengambil masa yang agak lama kerana melibatkan seramai 154 penama. Kos pengambilan tanah tersebut bernilai RM14.16 juta dan bayaran telah dibuat pada 20 Mac 2010. Projek ini tidak dipohon untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* kedua (2012-2013) RMK-10. Memandangkan masalah perolehan tapak telah dapat diselesaikan, maka KKM akan mempertimbangkan permohonan untuk dilaksanakan dibawah *Rolling Plan* ketiga (2013-2014). Permohonan ini dijangka dikemukakan kepada EPU, JPM pada bulan Mac 2012.

NO. SOALAN : 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **DATIN LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]**

TARIKH **4 OKTOBER 2011**

RUJUKAN **4036**

SOALAN:

Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan oleh kerana terdapat banyak rompakan di Sandakan dan Kota Kinabalu, apakah tindakan telah diambil untuk menyelesaikan masalah yang serius ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Sapi yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian memandang serius dan komited dalam membanteras jenayah rompak di seluruh negara. Berdasarkan statistik, bagi tempoh

Januari hingga Ogos 2010 dan tempoh yang sama pada tahun 2011, bagi daerah Kota Kinabalu, sebanyak 109 kes rompakan telah direkodkan dan 94 kes telah berjaya diselesaikan pada tempoh Januari hingga Ogos 2011 manakala 111 kes telah direkodkan dengan 38 kes selesai bagi tempoh yang sama. Bagi daerah Sandakan, sebanyak 39 kes telah direkodkan dan 18 kes telah berjaya diselesaikan bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011 manakala 42 kes telah direkodkan dengan jumlah kes selesai sebanyak 17 kes bagi tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga telah melakukan pelbagai langkah-langkah pencegahan dalam membanteras jenayah rompak yang berlaku di Sandakan dan Kota Kinabalu. Diantara tindakan yang telah

dijalankan dalam usaha untuk membentaras jenayah berkenaan adalah seperti berikut

- (i) menjalankan rondaan di kawasan strategik;
- (ii) Mengadakan perjumpaan dengan wakil penduduk;
- (iii) Meningkatkan risikan dengan komprehensif bagi mengenalpasti kumpulan atau individu yang terlibat dalam kes samun;
- (iv) Membuat pemantauan yang berterusan terhadap kes-kes yang telah berlaku;
- (v) Mengadakan mesyuarat khas berkala untuk membincangkan tentang kes samun yang telah berlaku dan merancang tindakan yang lebih proaktif dalam menyelesaikan permasalahan ini; dan
- (vi) Menjalankan operasi secara berterusan dalam membentaras kegiatan jenayah rompak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]

TARIKH 4 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4038

SOALAN:

NO. SOALAN : 08

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota penguatkuasa mengikut jabatan yang telah digerakkan sebelum dan pada hari perhimpunan BERSIH pada 9 Julai 2011. Nyatakan kos yang telah dibelanjakan untuk menghalang perhimpunan BERSIH.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menangani perhimpunan haram BERSIH 2.0, PDRM telah menggerakkan sejumlah pegawai dan anggota untuk penugasan keselamatan termasuk mendapatkan bantuan anggota dari Kontinjen-kontinjen seluruh negara untuk membantu Kontinjen Kuala Lumpur.

Jumlah pegawai dan anggota polis yang telah dikerah untuk bertugas untuk menjaga keselamatan di kawasan Lembah Klang seramai 11,046 orang termasuk seramai 2,600 orang yang dikerah untuk siap sedia di Kontinjen-kontinjen seluruh negara dan akan dipanggil jika keadaan memerlukan. Pihak PDRM juga terpaksa membuat persiapan rapi yang memerlukan perbelanjaan bagi perolehan kelengkapan tambahan, makan minum, penginapan dan keperluan logistik yang lain. Kos keseluruhan yang dibelanja oleh PDRM bagi menangani perhimpunan tersebut adalah sebanyak RM 2,018,850.06.

NO. SOALAN: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [RANAU]

TARIKH : 4 OKTOBER 2011

SOALAN:

Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pelajar biayaan Kerajaan yang telah menamatkan pengajian di luar negara tetapi tidak kembali ke tanah air untuk bertugas. Nyatakan juga jumlah perbelanjaan, pecahan kaum, bilangan serta tindakan yang telah diambil **setakat bulan September 2011**.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan pelajar tajaan Kerajaan (JPA) yang ditaja mulai tahun 2000 yang telah menamatkan pengajian di luar negara dan tidak kembali ke tanah air untuk berkhidmat dengan Kerajaan serta telah dikenakan tindakan tuntutan gantirugi adalah seramai 219 orang. Bilangan pecahan mengikut kaum adalah 50 orang (23%) kaum Melayu, 128 orang (58%) kaum Cina, 32 orang (15%) kaum India, 6 orang (3%) Bumiputra Sarawak dan 3 orang (1%) Bumiputra Sabah. Jumlah perbelanjaan penajaan bagi bilangan tersebut adalah sebanyak RM171.1 iuta

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA YB TUAN TONY PUA

KIAM WEE

[PETALING JAYA UTARA]

TARIKH 4/10/2010

SOALAN

YB Tuan Tony Pua Kiam Wee Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan

sama ada pihak polis telah mencerobohi kawasan Hospital Tung Shin dengan tembakan gas pemedih mata dan *water cannon* dan memasuki bangunan hospital untuk buat tangkapan. Jika Benar, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian

Tuan Yang di-Pertua,

Di dalam usaha mencari kebenaran dan bersifat lebih telus mengenai isu ini, maka pihak Kementerian telah menubuhkan “**Jawatankuasa Siasatan Dalaman Peringkat Tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia**”, pada 15 Julai 2011, bagi tujuan melakukan siasatan secara mendalam dan teliti mengenai isu ini. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh **Ketua Setiausaha**, Kementerian Kesihatan Malaysia, lanya dianggotai oleh seramai enam (6) orang pegawai pengurusan peringkat tertinggi dan pegawai kanan Kementerian.

Matlamat utama penubuhan Jawatankuasa ini adalah bagi tujuan menyiasat secara teliti dan mendalam mengenai dakwaan terhadap wujudnya semburan air (*water-cannon*) dan tembakan gas pemedih mata (*tear gas*), ke arah HTS semasa berlakunya insiden perhimpunan haram oleh kumpulan BERSIH 2.0 pada tarikh 9 Julai 2011 (Sabtu) lalu, dan juga ‘**impak**’ terhadap insiden tersebut.

Berikut adalah penemuan (*findings*) yang telah berjaya diperolehi melalui siasatan oleh “Jawatankuasa Siasatan Dalaman Peringkat Tertinggi KKM” iaitu:

- a) **Berlaku** semburan air (*water-cannon*) oleh anggota keselamatan PDRM, **ke arah penunjuk perasaan (*demonstrators*)** yang sedang berkumpul di tempat parkir kenderaan bertingkat dan pintu masuk utama HTS;
- b) **Berlaku** tembakan gas pemedih mata (*tear gas*) dari arah premis Waz Lian oleh anggota PDRM **ke arah penunjuk perasaan (*demonstrators*)** yang sedang berkumpul di tempat letak kereta awam yang terletak di luar kawasan HTS; dan
- c) **Berlaku** lontaran ‘bom asap’ oleh anggota PDRM, **ke arah penunjuk perasaan (*demonstrators*)** yang sedang berkumpul di tempat parkir kenderaan Hospital Bersalin Cina (*Chinese Maternity Hospital @ CMH*), pada 9 Julai 2011.

Berhubung dengan hasil siasatan yang menunjukkan berlakunya lontaran bom asap di kawasan *CMH*, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), memandang serius kejadian ini dan telah membawa perkara ini ke perhatian Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk diambil tindakan yang sewajarnya terhadap anggota PDRM yang terlibat (melakukan lontaran bom asap), bagi tujuan memastikan perkara yang sama tidak akan berulang lagi di masa-masa akan datang.

Selain daripada itu, berikut adalah penemuan (*findings*) berdasarkan siasatan yang telah dijalankan oleh jawatankuasa ini dari aspek ‘*impak*’, mengenai dakwaan insiden tersebut, iaitu;

- a) TIADA sebarang aduan rasmi telah dibuat oleh mana-mana *in-house patient*, ataupun ‘penjaga’ kepada *in-house patient* ataupun ‘pelawat’ kepada *in-house patient*, kepada pihak pengurusan HTS, terhadap sebarang kecederaan, ‘kacau-ganggu’ (*disturbance*) ataupun *traumatic*, ekoran daripada insiden pada 9 Julai 2011;
- b) Akibat daripada rempuhan oleh para penunjuk perasaan (*demonstrators*) maka berlaku kerosakan kepada pagar di sebelah tempat parkir kenderaan HTS; dan

c) TIADA sebarang gangguan berlaku terhadap operasi dan pengurusan di HTS, pada hari berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARI PADA **Y.B. DATUK MARCUS MOJIGOH (PUTATAN)**
TARIKH **4 OKTOBER 2011 (SELASA)**
SOALAN **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan**

- (a) hasil lawatan kerja Perdana Menteri ke Vatican; dan
- (b) jenis program yang telah dirangka oleh Kerajaan bagi memperkasakan lagi persefahaman dan perpaduan di kalangan penganut-penganut agama yang pelbagai di negara ini dan adakah pihak Kerajaan bersedia untuk menyediakan dana khusus kepada kuil, tokong, gereja dan tempat beribadat bukan Islam yang lain.

JAWAPAN (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

(A) Perjumpaan antara YAB Perdana Menteri dan Paus Benedict XVI

Hasil utama lawatan tersebut ialah perjumpaan di antara YAB Perdana Menteri dengan Paus Benedict XVI untuk menerangkan inisiatif Gerakan Global ke Arah Kesederhanaan yang dicadangkan buat kali pertamanya dalam ucapan beliau di Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada Oktober 2010. Inisiatif ini disambut baik oleh Paus Benedict XVI kerana Malaysia dan Holy See menyedari nilai-nilai sejagat bersama (*common universal values*) yang dianjurkan oleh semua agama utama sedunia.

Intipati utama inisiatif tersebut yang berdasarkan konsep Wasatiyyah atau 'moderation' dalam Islam adalah untuk merangkumkan kerjasama di antara golongan-golongan sederhana dari pelbagai agama serta menggalakkan dialog antara para penganut semua agama bagi melahirkan masyarakat yang bersatu-padu dan saling menghormati di antara satu sama lain.

Satu lagi hasil utama lawatan itu juga menandakan penubuhan hubungan diplomatik Malaysia-Holy See secara rasmi pada 18 Julai 2011. Hubungan ini merentasi sempadan kerjasama dua hala dan diplomatik yang melibatkan usaha untuk saling memahami antara para penganut semua agama samawi di dunia.

Dengan penubuhan hubungan diplomatik ini, Malaysia kini merupakan di antara 179 buah negara yang telah mengadakan hubungan diplomatik dengan Holy See. Malaysia juga termasuk di dalam 48 daripada 57 buah negara dalam *Organisation of Islamic Cooperation (OIC)* yang telah mewujudkan hubungan diplomatik dengan Holy See.

(B) Memupuk Persefahaman Antara Penganut Pelbagai Agama

Bagi meningkatkan persefahaman dan perpaduan di kalangan penganut-penganut pelbagai agama di negara ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA) sejak 9 Februari 2010. Berpandu kepada Perlembagaan Persekutuan dan semangat keterangkuman (inclusiveness) mengikut gagasan 1 Malaysia, ianya berfungsi sebagai satu mekanisme untuk berdialog, berunding dan menyelesaikan

isu-isu antara penganut agama. Empat (4) jawatankuasa kerja diwujudkan untuk memupuk

persefahaman terhadap Isu-Isu antara penganut agama , menggalakkan aktiviti-aktiviti bersama, mengadakan mediasi antara penganut-penganut agama dan menganjurkan acara bersama kerajaan dan pemimpin masyarakat.

Di samping mesyuarat dan forum formal melalui JKMKPA, pertubuhan-pertubuhan dan pemimpin-pemimpin agama juga mengambil inisiatif sendiri untuk menganjurkan dan menyertai pelbagai forum, sesi perbincangan dan kegiatan bersama dengan galakan dan bantuan JPNIN. Antara pertubuhan-pertubuhan yang aktif dan sering terlibat termasuklah *Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN)*, *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism & Taoism (MCCBCHST)*, *Interfaith Spiritual Fellowship (INSAF)*, **Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)**, *Malaysia Inter-Faith Network*, *Universal Peace Foundation* dan *Cheng Ho Multi Cultural Education Trust*.

Kerajaan Persekutuan, melalui Pejabat Perdana Menteri, dari masa ke semasa, telah dan akan memberi peruntukan dalam bentuk geran atau bekalan kepada pelbagai pertubuhan keagamaan, tokong, kuil, gereja dan tempat-tempat beribadat bukan Islam yang lain, mengikut permintaan dan keperluan. Di samping itu, kerajaan negeri atau tempatan juga memberi bantuan dalam pelbagai bentuk.

Di samping itu, langkah pencegahan atau *preventive measure* merangkumi pemantauan yang rapi oleh pihak polis, Rukun Tetangga di bawah JPNIN dan persatuan penduduk terhadap apa juga isu atau kejadian antara kaum dan agama

yang mungkin menimbulkan reaksi dan sentimen yang boleh menjejaskan keharmonian. JPNIN telah juga melatih pemimpin Rukun Tetangga (RT) dan pemimpin masyarakat dalam kemahiran mediasi untuk menjadi mediator komuniti yang akan bersedia bertindak menyelesaikan perselisihan yang muncul sebelum ianya tercetus menjadi insiden yang besar.

Hasil daripada usaha gigih semua pihak terlibat dan sambutan baik bagi rakyat secara keseluruhan, kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman telah juga diiktiraf di peringkat antarabangsa. Mengikut Global Peace Index, kedudukan Malaysia telah meningkat dari tangga 38 pada tahun 2008 ke tangga 26 pada tahun 2009, tangga 22 pada tahun 2010 dan tangga 19 pada tahun 2011, iaitu, di antara 20 buah negara yang paling aman di kalangan 150 buah negara yang dibuat penilaian.

.AUP : ? °

A/o-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]

TARIKH : 4 OKTOBER 2011

RUJUKAN : 4288

SOALAN:

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan menghantar balik 11 orang etnik Uighur ke China.

Jawapan :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Tumpat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak polis telah menangkap beberapa orang warganegara China kerana disyaki terlibat dalam sindiket penyeludupan manusia ke negara ketiga dengan menggunakan Negara Malaysia sebagai negara transit.

Sehubungan dengan itu, pada 17 Ogos 2011, Kerajaan China telah memohon supaya mereka dihantar pulang ke China untuk tindakan pihak berkuasa China atas dakwaan bahawa mereka terlibat didalam aktiviti penyeludupan manusia.

DEWAN RAKYAT PEMBERHANTUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL
KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS _____
(2011) _____

PERTANYAAN : **LISAN**

DARI PADA **YB DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM**
BANDAR BARU]

TARIKH **4 OKTOBER 2011 [SELASA]**

SOALAN :

DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR BARU] minta
PERDANA MENTERI menyatakan

(a) Apakah status siasatan dan tindakan terkini yang diambil berkaitan isu fahaman pluralisma dan ucapan YB. Permatang Pauh di London School of Economic pada 18 Mac 2008 yang mempunyai ciri menerima dan menganut fahaman pluralisma; dan

(b) Adakah Kerajaan bercadang mengeluarkan fatwa mengharamkan anutan fahaman pluralisma/liberalisma dan mengambil tindakan memulihkan akidah penganut fahaman sesat ini.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan beberapa pihak lain telah meneliti dan menganalisa teks ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh di London School of Economic pada 18 Mac 2008 dan membuat kesimpulan, sememangnya terdapat erdapat unsur-unsur pluralisme agama yang jelas dalam ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh.

(b) **Berhubung cadangan mengeluarkan fatwa mengharamkan anutan fahaman pluralisme/liberalisme**, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam muzakarahnya pada 25 Hingga 27 Julai 2006 telah pun membincang kertas aliran pemikiran liberal: hukum dan implikasinya kepada Islam di Malaysia dan **telah bersetuju memutuskan bahawa gerakan pemikiran liberal ada mengandungi fahaman pluralisme agama dan didapati menyeleweng dalam aspek akidah dan syariah.**

Antara **langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung fahaman liberal dan pluralisma** adalah seperti berikut.

- i) mengadakan majlis-majlis penjelasan tentang bahaya fahaman pluralisme agama dengan kerjasama Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri Negeri (JAIN) serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan;

- ii) melakukan pemantauan dan kajian terhadap apa jua program yang dibuat oleh organisasi atau individu tertentu yang mempunyai unsur-unsur pluralisme agama;
- iii) memantau dan mengkaji laman-laman web dan blog yang menyebarkan fahaman liberal;
- iv) mengkaji dan seterusnya mengeluarkan fatwa-fatwa yang berhubungkait amalan atau perbuatan agama lain yang diamalkan oleh orang Islam yang mengandungi unsur-unsur pluralisme agama seperti fatwa Yoga, *Valentine's Day* dan *Candlelight Vigil*; dan
- v) menyediakan Garis Panduan Kongsi Raya dan juga Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 4 OKTOBER 2011

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sasaran gaji minimum akan dilakukan terhadap semua sektor pekerjaan dan nama jawatankuasa Ahli Majlis Konsultasi Negara yang diberi tanggungjawab mengesyorkan kepada Kerajaan.**

PR-1243-L46136

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung dengan pertanyaan Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid mengenai sasaran gaji minimum, Seksyen 4 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 menyatakan secara terperinci fungsi dan kuasa Majlis terutama dalam membuat syor kepada Kerajaan tentang kadar dan liputan gaji minimum mengikut sektor, jenis

pekerjaan, kawasan wilayah dan perkara-perkara lain yang

berhubung dengan gaji minimum dan gaji. Justeru, Majlis Konsultasi Gaji Negara akan berperanan mengkaji secara menyeluruh kadar dan liputan dan seterusnya mencadangkan kepada Kerajaan untuk keputusan.

2. Sebagaimana YB sedia maklum, anggota Majlis Perundingan Gaji Negara telah dilantik mulai 28 September 2011 hingga 27 September 2014. Seramai 25 orang anggota yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, 6 orang wakil pekerja, 6 orang wakil majikan, 6 orang wakil agensi Kerajaan, dan 5 orang wakil lain telah dilantik secara rasminya oleh YB Menteri Sumber Manusia sebagaimana yang diperuntukan dalam Seksyen 5 (1) Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

3. Berhubung dengan pertanyaan nama jawatankuasa Ahli Majlis Konsultasi Negara yang diberi tanggungjawab mengesyorkan kepada Kerajaan, senarai nama anggota Majlis Ahli Majlis Konsultasi Negara adalah seperti berikut:-

Pengerusi

YBhg. Tan Sri Datuk Amar Steve Shim Lip Kiong Ahli
Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Bekas Hakim
Besar Sabah dan Sarawak

Timbalan Pengerusi

YBhg. Dato' Dr. Syed Mohamad bin Syed Abdul Kadir
Pengarah Kanan Bukan Eksekutif ,CIMB Bank Berhad

Bekas Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia

Agensi Kerajaan (5 wakil)

- i. YBrs. Dr. Sundaran Annamalai Wakil Kementerian Kewangan (MOF)**
- ii. YBrs. Dr. Mohd. Gazali bin Abas Wakil Unit Perancang Ekonomi (EPU)**
- iii. YBhg. Dato' Mat Aron bin Deraman Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**
- iv. Encik G. Alagasan
Wakil Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)**
- v. Encik Mohd Sahar bin Darusman
Wakil Kementerian Sumber Manusia (KSM)**

Wakil Pekerja (6 wakil)

- i. Encik Mohd Khalid bin Hj. Atan
Presiden MTUC
Timber Employee Union**
- ii. Encik Abdul Halim bin Mansor
Setiausaha Agung MTUC
National Union of Petroleum and Chemical Industry Workers**
- iii. Encik G. Rajasekaran
Metal Industries Employees Union**
- iv. Encik Andrew Lo Kian Nyan
Setiausaha
Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Sarawak**
- v. Puan Catherine Jikunan**

Setiausaha

Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Sabah

- vi. **Encik A. Navamukundan**
National Union of Plantation Workers

Wakil Maiikan (6 wakil)

- i. **YBhg. Dato' Azman Shah bin Dato' Seri Haron Presiden**
Persekutuan Majikan Malaysia (MEF)
- ii. **YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Noor bin Ismail Presiden**
Malayan Agricultural Producers Association (MAPA)
- iii. **Tuan Hj. Shamsuddin Bardan Pengarah**
Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF)
- iv. **YBhg. Dato' Henry Lau Lee Kong Setiausaha**
Agung
Sarawak Timber Association
- v. **Encik Alan Khoo Choom Kwong**
Pengerusi
Persatuan Perundingan Majikan Sabah (SECA)
- vi. **Belum diisi**

Ahli Lain-Lain (5 wakil)

- i. **YBhg. Tan Sri Prof. Emeritus Anuwar bin AN**
Presiden/ Naib Canselor
Universiti Terbuka Malaysia (OUM)
- ii. **YBhg. Tan Sri Datuk Mustafa Mansur**
Ahli Lembaga Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
- iii. **YBhg. Datuk Marimuthu Nadason**
Presiden

**Federation of Malaysian Consumers Associations (FOMCA)/
Malaysia Association of Standards Users**

iv. YBrs. Dr. Zakariah bin Abdul Rashid

Pengarah Eksekutif

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

v. Encik Chung Hon Cheong

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Tenaga Nasional Berhad

Penasihat Khas, Lembaga Pengarah Johor Corporation (JCorp)

Setiausaha

Encik Kua Abun

Setiausaha Bahagian Dasar Sumber Manusia

Kementerian Sumber Manusia

Tuan Yang Di Pertua,

4. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan dijangka menerima cadangan dan syor kadar gaji minimum daripada Majlis Perundingan Gaji Negara selewat-lewatnya akhir tahun ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL

[LABUAN]

TARIKH 04 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN:

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pelarian IMM13 yang diiktiraf Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCHR) yang kini ditempatkan di Labuan:-

(a) apakah perancangan Kementerian berhubung perkara ini; dan

(b) berapakah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, Pelarian Perang Selatan Filipina yang memegang dokumen IMM13 masih lagi terikat dengan dasar sedia

ada iaitu golongan ini dibenarkan tinggal di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan serta diizinkan bekerja. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak menghalang sekiranya ada di kalangan mereka yang ingin kembali ke negara asal mereka. Golongan ini dibenarkan bekerja dalam sektor-sektor ekonomi yang ditetapkan selain daripada bekerja sendiri. Justeru, kerajaan tidak terikat untuk menanggung kehidupan golongan ini. Sekitar awal tahun 1970an, pihak UNHCR telah mendirikan penempatan bagi golongan ini di kampung Muslim dengan perbelanjaan sepenuhnya oleh pihak UNHCR. Namun begitu, penempatan tersebut tidak mencukupi dan menyebabkan mereka terpaksa tinggal di kawasan-kawasan setingan atas perbelanjaan sendiri.

Bagi tujuan pembangunan setempat dan akibat kejadian bencana (kebakaran) golongan pelarian di Labuan kebanyakannya telah ditempatkan di Kiamsam bagi membolehkan kawasan-kawasan berkenaan dibangunkan mengikut perancangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

NO. SOALAN : 08

DARIPADA

: TUAN JEFF OOI CHUAN AUN

[JELUTONG]

TARIKH

: 4 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta PERDANA MENTERI

menyatakan sama ada Kerajaan komited dalam menyelesaikan beban- beban negara yang terulung seperti yang disenaraikan berikut menjelang tempoh Parlimen Kedua Belas ini tamat menjelang Mac 2013 iaitu kes kematian Teoh Beng Hock dan Ahmad Sarbaini Mohamed dalam pejabat SPRM, kes penipuan Zon Bebas Pelabuhan Kelang, Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk meneliti sistem pilihan raya. prestasi kewangan bagi semua Projek Transformasi Ekonomi dan semakan semula sempadan kawasan Parlimen dan Kawasan Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yang Di Pertua,

JAWAPAN:

Kerajaan sentiasa komited dalam menangani isu-isu yang melanda negara ini. Isu-isu yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Jelutong telah diambil perhatian oleh Kerajaan dan diambil tindakan menurut peruntukan-peruntukan perundangan sewajarnya. Kerajaan tidak melihat Mac 2013 sebagai tarikh akhir sesuatu isu itu perlu diselesaikan. Setiap isu akan ditangani dengan teliti tanpa membelakangkan sebarang bukti ke arah mencapai keputusan yang tepat.

Sekian, terima kasih.

.AUP : :*>
AfO* GvfrLfrfIJ '2.
ST

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH : 4 OKTOBER 2011
RUJUKAN : 4039

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa pegawai-pegawai imigresen yang mengaku salah terlibat dalam membenarkan pendatang-pendatang asing tanpa izin masuk ke dalam negara ini secara tidak sah tidak didakwa di Mahkamah.

Berikan sebab-sebab kenapa mereka kebal daripada undang-undang Malaysia.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, tiada mana-mana individu yang kebal dari tindakan undang-undang dan ini termasuklah lapan (8) orang pegawai Imigresen seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Kesemua lapan (8) orang ini telahpun diambil tindakan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana terlibat dalam aktiviti penyeludupan manusia. Pada masa ini, ada diantara mereka sedang disiasat dibawah Akta Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH 4 OKTOBER 2011

SOALAN:

TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA) minta PERDANA MENTERI menyatakan kos tempoh purata diambil oleh pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk memproses satu permohonan untuk mendaftar sebagai pemilih. Serta bilangan pegawai SPR yang ditugaskan seluruh negara untuk memproses pendaftaran pemilih baru dan jumlah permohonan pendaftaran pemilih baru yang dapat diproses dalam masa setahun.

2b
SOALAN NO. 2#

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2011 peruntukkan yang ditetapkan untuk tujuan pendaftaran pemilih adalah berjumlah RM500,000.00. Manakala tempoh bagi satu-satu permohonan yang diterima oleh SPR sama ada untuk mendaftar sebagai pemilih baru atau pun memohon pertukaran alamat pusat mengundi, ia diproses dan diperakui mengikut tempoh suku tahun yang mana lazimnya mengambil tempoh masa antara tiga hingga lima bulan seperti yang berikut:

- Suku Tahun Pertama (pendaftaran yang diterima dalam bulan Januari hingga Mac), pengesahannya dijangkakan dalam bulan Mei;
- Suku Tahun Kedua (pendaftaran yang diterima dalam bulan April hingga Jun), pengesahannya dijangkakan dalam bulan Ogos;
- Suku Tahun Ketiga (pendaftaran yang diterima dalam bulan Julai hingga September), pengesahannya dijangkakan dalam bulan November; dan

- Suku Tahun Keempat (pendaftaran yang diterima dalam bulan Oktober hingga Disember), pengesahannya dijangkakan dalam bulan Februari tahun yang berikutnya.

SOALAN NO. 81

Bagi tujuan urusan pendaftaran pemilih ini, SPR mempunyai seramai 132 orang pegawai dan kakitangan yang berkhidmat secara tetap. Di samping itu juga sehingga Ogos 2011, SPR melantik seramai 10,865 orang Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) yang terdiri daripada 5,845 orang PPP (Wakil Parti Politik), 3,992 orang PPP (Wakil Jabatan), 779 orang PPP (Wakil Pertubuhan) dan 249 orang PPP (Wakil Universiti) untuk membantu SPR menerima permohonan pendaftaran baru dan pendaftaran tukar alamat pusat mengundi. Pelantikan ini adalah bagi satu tempoh tertentu dan penamatan boleh dilakukan pada bila-bila masa bergantung pada syarat-syarat yang ditetapkan oleh SPR.

Salah satu isu berhubung urusan pendaftaran pemilih yang dilaksanakan oleh PPP ialah di mana sebahagian PPP cenderung untuk menghantar borang-borang permohonan tersebut pada bulan ketiga setiap suku tahun kepada SPR untuk urusan memproses permohonan selanjutnya. Sebagaimana contoh untuk bulan April ialah sebanyak 51,120 permohonan, bulan Mei ialah sebanyak 72,360 permohonan dan bulan Jun ialah sebanyak 145,387 permohonan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, jumlah permohonan pendaftaran pemilih baru bagi tahun 2010 ialah sebanyak 820,156 manakala bagi tahun 2009, jumlah permohonan pendaftaran pemilih baru ialah sebanyak 276,621 dan semua permohonan ini diproses pada tahun yang sama. Jumlah permohonan pendaftaran baru ini adalah berbeza dari tahun ke tahun kerana ia bergantung kepada kesedaran daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon mendaftar sebagai pemilih dan juga sentimen keadaan politik semasa yang mana berdasarkan trend, jumlah permohonan adalah rendah dalam tempoh selepas berakhirnya pilihan raya umum dan akan berlakunya peningkatan yang ketara dalam jumlah permohonan apabila masyarakat umum menjangkakan tarikh pilihan raya sudah semakin hampir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

TARIKH

[MARANG]

04.10.2011(SELASA)

**DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**menyatakan langkah-langkah yang diambil pihak Kerajaan untuk memastikan
keselamatan bekalan (*security of supplies*) produk petroleum terutamanya
bekalan petrol dan diesel kepada pengguna di Malaysia sebagai langkah
menstabilkan ekonomi negara dan di manakah peranan syarikat milikan
negara seperti PETRONAS dalam hal ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli dewan, bagi memastikan bekalan bahan petroleum mencukupi dan berterusan, Kementerian telah melaksanakan beberapa langkah seperti:

- i. **Menguatkuasakan Akta Kawalan Bekalan 1961** dimana syarikat minyak akan dikenakan tindakan sekiranya berlakunya gangguan bekalan kepada pengguna;
- ii. **Mewartakan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011** yang berkuatkuasa pada 15 Mac 2011. Di bawah peraturan ini, mana-mana orang tidak boleh mengeksport apa-apa barang kawalan seperti berikut:

BIL.	BARANG KAWALAN ,
1.	Tepung gandum
2.	Bahan api diesel
3.	Petrol RON 95
4.	Gas Cecair Petroleum

Tujuan larangan eksport ini adalah bagi memastikan bekalan dalam negara mencukupi dan bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan ke atas mana-mana orang yang membawa keluar barang-barang kawalan keluar negara tanpa kelulusan.

Kementerian juga telah mengambil beberapa langkah penguatkuasaan bersepadu di dalam menangani masalah ketirisan barang-barang kawalan ke luar negara. Antaranya adalah :

- i. mewujudkan bilik pusat operasi di ibu pejabat dan pejabat PDNKK negeri dan daerah bagi memantau dan mengumpul maklumat;
- ii. mengetatkan kawalan di sempadan melalui kerjasama dengan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM), Unit Pencegah Pengeludupan (UPP), Agensi Penguatkuasaan maritim malaysia (APMM) dan

pasukan Gerakan AM (PGA) untuk membentaras penyeludupan barang kawalan ke luar negara.

No. Soalan : [28]PR-
1243-L46377

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB TUAN TIAN CHANG [BATU]

TARIKH

4 OKTOBER 2011

SOALAN

**Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan**

- a)apakah matlamat utama rombongan Perdana Menteri ke Kazakhstan pada bulan Jun dan Perth ketika Hari Merdeka dan apakah hasilnya; dan
- b)berapakah jumlah kos rombongan yang ditanggung oleh Kementerian yang berkaitan dan berapakah

JAWAPAN :

bilangan anggota yang dijemput
dalam rombongan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan YB Batu bersama soalan dari YB Seremban bertarih 2 November 2011 kerana soalan tersebut menyentuh perkara yang sama dan berkaitan.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat di atas soalan-soalan yang telah dikemukakan.

3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Kazakhstan pada 5 dan 6 Jun 2011 adalah di atas jemputan Presiden Kazakhstan, Nursultan Nazarbayev. YAB Perdana Menteri juga telah mengetuai delegasi Malaysia ke Forum Ekonomi Islam Sedunia Ke-7, dengan izin, *7th World Islamic Economic Forum* (WIEF Ke-7) yang diadakan di Astana, Kazakhstan dari 7 hingga 9 Jun 2011.

4. Menerusi lawatan ini, YAB Perdana Menteri telah berjaya memperkukuhkan komitmen dan meningkatkan lagi hubungan dua hala di antara Malaysia dan Kazakhstan ke peringkat yang lebih tinggi serta bersetuju untuk melaksanakan, dengan izin, "*signature projects*" dalam beberapa bidang termasuk perbankan Islam, minyak dan gas, pembinaan, industri makanan halal, dan bagi menjadi perintis untuk mendorong penglibatan serta kerjasama dari pelbagai pihak di kedua-dua buah negara. Lawatan rasmi ini juga telah menyaksikan tiga perjanjian yang ditandatangani di antara Malaysia dan Kazakhstan.

5. Di samping itu, penglibatan YAB Perdana Menteri di WIEF Ke-7 pula telah berjaya membuka lebih banyak peluang perniagaan dan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara yang mengambil bahagian di dalam Forum tersebut. Ia juga dapat dilihat menerusi perjanjian-perjanjian Moll yang telah ditandatangani oleh syarikat- syarikat Malaysia sepanjang Forum tersebut berlangsung. Semasa Forum Ekonomi Islam Sedunia Ke-7 ini pula, sebanyak lima perjanjian telah ditandatangani di antara Malaysia dan Kazakhstan.

6. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah perbelanjaan yang digunakan bagi lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Kazakhstan adalah sebanyak **RM 1,072,213.22**.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Turkmenistan pada 11 hingga 12 Julai 2011 pula adalah bagi memenuhi jemputan Presiden Turkmenistan. Lawatan tersebut, antara lain, bertujuan untuk memperkukuhkan komitmen Malaysia dan Turkmenistan untuk meningkatkan lagi kerjasama dan hubungan dua hala kedua-dua buah negara dalam pelbagai bidang.

8. Sebanyak lima dokumen telah ditandatangani semasa lawatan tersebut. YAB Perdana Menteri juga telah merasmikan Terminal Gas Pertama PETRONAS di Kiyanli, Turkmenbashi pada 12 Julai 2011, di samping turut mengumumkan pembukaan Kedutaan Besar Malaysia di Ashgabat, Turkmenistan.

10. Perbelanjaan yang digunakan bagi lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Turkmenistan pula berjumlah RM 323,268.19.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, lawatan YAB Perdana Menteri ke Perth, Australia pada 31 Ogos hingga 3 September 2011 merupakan lawatan peribadi. Namun begitu, YAB Perdana Menteri telah mengambil peluang untuk bertemu dengan pelajar-pelajar dan rakyat Malaysia yang menetap di sana di dalam satu majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dianjurkan oleh Konsulat Jeneral Malaysia. YAB Perdana Menteri juga telah meluangkan masa bertemu dan berbincang dengan wakil-wakil sebuah kumpulan Muslim di Perth.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TUAN LIM KIT SIANG

TARIKH

4 OKTOBER 2011

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan rasional dan pendirian terkini

NO. SOALAN: 14

dalam perkara arahan Kerajaan kepada semua badan-badan berkaitan Kerajaan untuk menarik balik kes sivil terhadap Tan Sri Tajuddin Ramli, mantan pengerusi MAS. Sila nyatakan badan berkaitan Kerajaan yang terlibat dan kerugian yang perlu ditanggung oleh setiap badan berkaitan Kerajaan akibat keputusan ini.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes yang melibatkan Tan Sri Tajuddin Ramli, dan badan berkaitan Kerajaan iaitu GLC kini berada di peringkat pengurusan kes (case management) di mahkamah. Oleh yang demikian, tiada sebarang komen dapat diberikan kerana perkara ini adalah subjudis dari segi perundangan

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PADA: Y.B. TUAN MAN IC KAVAS AG AM A/L SUNDRAM

TARIKH: 4 OKTOBER 2011

SOALAN:

Tuan Manickavasagam a/l Sundram [Kapar] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan masalah-masalah utama yang telah dikenal pasti oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Masyarakat India serta tindakan-tindakan yang telah diambil semenjak ianya ditubuhkan dan keberkesanannya.

PR-1243-L46297

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India telah ditubuhkan pada tahun 2008 oleh Kerajaan Persekutuan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB. Perdana Menteri dan diwakili oleh Timbalan Perdana Menteri, Menteri Sumber Manusia dan beberapa Menteri dari Kementerian yang kritikal.

2. Terma Rujukan Jawatankuasa ini adalah untuk mengenalpasti dan memantau penyertaan masyarakat India di dalam Program dan Projek-Projek Kerajaan dan berfokus kepada 6 isu utama iaitu :

- a. Perkembangan Sekolah Tamil**
- b. Penyertaan di Institut Pengajian Tinggi / Peluang Latihan Kemahiran**
- c. Peluang Pekerjaan di Sektor Awam**
- d. Peluang Perniagaan dan Pinjaman Perniagaan**
- e. Pembasmian Kemiskinan**
- f. Pembangunan Belia**

3. Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 1 Julai 2008, 23 Februari 2009 dan 28 September 2009.

4. Pada Jun 2010 YAB Perdana Menteri telah bersetuju menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan (SITF) dengan Urusetia sepenuh masa untuk melaksanakan segala keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Khas Kabinet.

5. Yang Berhormat Datuk Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia bertindak selaku Pengerusi SITF. Y.Bhg. Dato' Siva Subramaniam adalah Penyelaras SITF. Ahli Jawatankuasa SITF terdiri dari Ketua Setiausaha beberapa Kementerian yang berkaitan, wakil-wakil NGO dan orang perseorangan. Sebanyak tiga mesyuarat telah diadakan sejak penubuhannya seperti berikut:

- a) Mesyuarat Pertama: 28 Jun 2010
- b) Mesyuarat Kedua: 29 July 2010
- c) Mesyuarat Ketiga : 9 Dis 2010

6. Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India telah mengenalpasti masalah atau cabaran seperti berikut:

- i. Kurangnya keyakinan masyarakat India terhadap keupayaan agensi-agensi kerajaan dalam memenuhi dan menyelesaikan masalah mereka.
- ii. Kebanyakan masyarakat India mengalami masalah ketiadaan Dokumen Pengenalan Diri yang sewajarnya (seperti Kad Pengenalan, Surat Beranak dan kewarganegaraan). Mereka pernah berusaha untuk menyelesaikan masalah ini secara bersendirian atau menggunakan agen tetapi kebanyakan usaha mereka ini gagal. Keperluan pelbagai dokumen-dokumen sokongan sebagai bukti dan kos yang terlibat untuk bergambar, kos mengangkat sumpah menggunakan Pesuruhjaya Sumpah dan tambang pengangkutan untuk ke pejabat-pejabat kerajaan menjadi halangan utama untuk mereka menyerahkan borang dan dokumen sokongan kepada Jabatan Pendaftaran Negara.
- iii. Adalah diperhatikan iaitu ramai remaja India tidak menamatkan pengajian sehingga tingkatan lima dan ini menyebabkan mereka tidak memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Mereka ini tercicir samada diperingkat darjah enam (UPSR), Tingkatan 1(kelas

peralihan), Tingkatan 3 (PMR) atau di tingkatan 4. Ketiadaan kelulusan SPM menyukarkan mereka untuk memasuki institusi kemahiran kerajaan dan keadaan ekonomi keluarga membuatkan mereka tidak mampu untuk mengikuti kursus kemahiran di institusi swasta.

- iv. Kegagalan dalam pelajaran dan ketiadaan sijil kemahiran menyebabkan mereka terpaksa membuat kerja-kerja biasa yang tidak memerlukan kemahiran dan kelulusan. Jenis kerja seupama ini memberikan pendapatan yang paling rendah yang tidak dapat menyara hidup mereka. Akhirnya mereka terjebak dalam kegiatan Jenayah seperti samun, ragut dan mencuri yang dapat memberi wang haram secara mudah dalam masa yang singkat.
- v. Masalah lain yang dikenalpasti adalah kekurangan peluang pekerjaan di sektor kerajaan dan GLC dan peluang untuk serta kempen-kempen yang mempromosi peluang keusahawan di kalangan masyarakat India adalah kurang.

7. Tindakan yang diambil bagi menangani masalah-masalah yang dikenalpasti di para 6 di atas adalah seperti berikut:

- i. Program Mesra Rakyat adalah langkah pertama dan utama yang diambil oleh Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan, Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India, Jabatan Perdana Menteri (SITF) turun padang untuk

mendekati rakyat diperingkat akar umbi bagi mendengar dan mengenalpasti permasalahan mereka.

ii. Melalui program ini juga masalah dan keperluan masyarakat dikenalpasti dan agensi-agensi pusat yang berkaitan dibawa kepada masyarakat untuk memberikan perkhidmatan yang mesra rakyat sejajar dengan konsep 1 Malaysia “Rakyat Didahulukan dan Pencapaian di Utamakan”. Disepanjang tahun 2010, SITF telah mengadakan Program Mesra Rakyat di 6 lokasi iaitu di Ijok, Lunas, Sepang, Perai, Sungai Siput dan Batu Anam, Segamat.

7.2. Penglibatan Agensi Kerajaan

i. Sebanyak 11 agensi kerajaan menyertai Program ini. Agensi-agensi tersebut adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendaftaran Negara, PERKESO / SOSCO, Jabatan Tenaga Kerja, Biro Aduan Awam, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN Nasional, Kolej Komuniti dan Polis DiRaja Malaysia.

ii. Objektif dan fokus Program ini adalah untuk membawa agensi-agensi Sektor Awam bertemu dengan rakyat yang mempunyai masalah yang hanya dapat diselesaikan oleh agensi kerajaan. Keunikan program ini terletak pada kesanggupan agensi kerajaan membuka kaunter di luar pejabat mereka iaitu di Dewan Orang Ramai.

7.3. Penglibatan Rakyat

i. Dengan bantuan dan usaha pemimpin-pemimpin tempatan, NGO dan parti komponen Barisan Nasional, rakyat tempatan keluar beramai-ramai untuk menyuarakan dan menyelesaikan permasalahan mereka.

ii. Sejumlah 9400 orang telah menghadiri Program di 6 kawasan ini daripadanya sebanyak 4943 orang telah mendaftar untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan.

iii. Mereka yang menghadiri program ini adalah dari golongan yang kurang berpendidikan, tidak tahu atau berkemampuan untuk akses kepada perkhidmatan kerajaan dan rendah keyakinan diri untuk pergi sendiri ke pejabat-pejabat kerajaan.

7.4. Isu dan Penyelesaian yang dikenalpasti

i. Lima agensi yang paling banyak menerima pendaftaran adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (permasalahan yang berkaitan dengan isu-isu kebajikan),

diikuti oleh kaunter Perkeso / Sosco (mengenai tuntutan kemalangan berkaitan pekerjaan), kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (berkaitan pendaftaran dokumen pengenalan diri), Jabatan Tenaga Kerja (untuk mendaftar di Jobs Malaysia dan mendapatkan peluang pekerjaan) dan kaunter ICU - E-Kasih (pendaftaran kemiskinan).

ii.

D

aripada 4943 kes yang didaftar, sebanyak 2231 adalah kes yang berkaitan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Daripada 2231 kes yang didaftarkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat, sebanyak 763 (34.3%) kes-kes baru yang diluluskan bantuan (isirumah berpendapatan RM750 ke bawah), sebanyak 465 (20.8%) kes-kes yang layak telah disalurkan kepada Program Azam (isirumah berpendapatan RM750 - RM1500) dan 990 (44.3%) kes yang tidak layak untuk kebajikan kerana berpendapatan melebihi RM1500 dan kes-kes dirujuk ke agensi berkaitan 14 (0.6%).

iii.

S

ecara keseluruhan terdapat sebanyak 3877 kes (78.4%) dalam kategori selesai dan dalam proses diselesaikan. Kebanyakan kes dalam kategori proses penyelesaian, mereka ini diberikan kaedah pilihan lain untuk menyelesaikan permasalahan mereka. Sebagai contoh daripada bergantung kepada bantuan kewangan kebajikan mereka diberi pilihan untuk memasuki program-program

produktif kebajikan untuk menjana pendapatan. Disamping itu proses penyelesaian kes-kes masih diteruskan melalui Kempen MyDaftar, program Mikro Kredit pinjaman perniagaan dan bantuan pencarian pekerjaan melalui system JobsMalaysia.

iv. Semua Agensi Kerajaan telah menunjukkan sikap yang positif untuk memberi layanan yang cemerlang semasa Program Mesra Rakyat. Mereka telah bekerja pada hari Sabtu, Ahad dan melebihi waktu tugas yang ditetapkan. Pegawai-pegawai ini telah memberi tunjuk ajar serta memberi nasihat kepada rakyat jelata. Sikap positif kakitangan Kerajaan ini juga telah membantu membawa keyakinan kepada masyarakat India terhadap perkhidmatan agensi kerajaan. Hampir 5000 pengunjung ke program ini telah dapat memperbetulkan persepsi mereka terhadap Kerajaan. Terdapat sejumlah besar pengunjung ke program mesra rakyat ini terdiri daripada mereka yang buta huruf, miskin dan diabaikan oleh anak-anak mereka.

v. Komitmen pegawai kerajaan dari agensi yang terlibat dalam program ini diteruskan dimana setiap agensi akan hadir di mesyuarat susulan bulanan yang dianjurkan oleh SITF di daerah program untuk memberi laporan terkini mengenai kes-kes yang telah diselesaikan, sedang diproses, ditolak dan sebabnya. Komitmen yang ditunjukkan ini, mungkin disebabkan penglibatan Jabatan Perdana Menteri yang memantau program Mesra Rakyat ini.

vi. Keunikan hasil Program Mesra Rakyat ini adalah penubuhan Jawatankuasa Tindakan di setiap daerah kawasan program ini. Jawatankuasa ini terdiri dari setiap agensi peringkat daerah, para pemimpin tempatan dan NGO yang mengambil bahagian dalam program ini.

7.5 Pengajaran dari Program Mesra Rakyat

i. Membangkitkan keyakinan masyarakat India terhadap keupayaan agensi-agensi memenohi dan menyelesaikan masalah mereka. Menghubungkan masyarakat India dengan perkhidmatan kerajaan yang selama ini mendapat rungutan. Mengeratkan perhubungan masyarakat India dengan pegawai kerajaan ianya bersesuaian dengan konsep 1 Malaysia.

ii. Program Mesra Rakyat secara tidak langsung telah membentuk satu mekanisme / struktur perhubungan masyarakat dengan agensi kerajaan yang berkekalan dan berlanjutan. Dimana masyarakat memahami dan mendekati agensi-agensi yang berkaitan untuk menyelesaikan permasalahan yang mereka hadapi.

7.6. Penambahbaikan

i. Seorang pegawai kordinasi SITF diperingkat Daerah ditubuhkan. Pegawai kordinasi ini perlulah mempunyai kelayakan professional. Unit Kordinasi SITF di peringkat Daerah terutamanya di 30 buah daerah yang tinggi kepadatan penduduk India perlu disegerakan. Unit ini akan bertindak sebagai penghubung diantara masyarakat dan agensi kerajaan dalam memberikan perkhidmatan yang cermerlang.

ii. Semua pegawai kerajaan di peringkat daerah dan negeri perlu menghadiri satu Bengkel atau Kursus berkaitan dengan kebudayaan dan keperluan masyarakat India, hanya bertujuan membolehkan pegawai kerajaan memahami permasalahan masyarakat India dengan lebih mendalam. Melalui ini mereka dapat menyediakan perkhidmatan yang berkesan dan meningkatkan agenda kerajaan Persekutuan dalam mendekati rakyat berbilang kaum.

iii. Untuk meningkatkan keyakinan serta sokongan kepada Kerajaan, kini telah tiba masanya bahawa Pegawai Keturunan India dilantik untuk berkhidmat di '*Front Desk*' terutama sekali di Jabatan-Jabatan yang dikunjungi oleh rakyat berbilang kaum. Beberapa agensi kritikal yang memerlukan pegawai India adalah Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, PERKESO,

Jabatan Belia, Amanah Ikhtiar Malaysia, Institut Latihan Perindustrian dan pejabat Pelajaran.

7.7. KEMPEN MYDAFTAR

7.1 Kempen Mydaftar Nasional adalah satu kempen yang telah dijalankan selama 8 hari bermula 19 Februari 2011 sehingga 26 Februari 2011 untuk mendokumentasikan masyarakat India yang tidak mempunyai dokumen diri yang sewajarnya.

7.2 Lapan puluh Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di sembilan negeri terpilih (Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Johor) telah membuka kaunter khas untuk menerima kes-kes dokumentasi dikalangan Masyarakat India.

7.3. Kempen ini dianjurkan oleh Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan, Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India, Jabatan Perdana Menteri (SITF) dengan kerjasama dari Kementerian Dalam Negeri (Jabatan Pendaftaran Negara), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (Jabatan Penerangan Malaysia) serta dibantu oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan dan sukarelawan.

7.8. Penyertaan Masyarakat India

i. Sebanyak 14,882 orang telah mengunjungi Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sepanjang kempen. Daripada jumlah ini, seramai 9568 telah mengemukakan borang permohonan kepada JPN dan sebanyak 5314 belum menyerahkan borang mereka (Jadual 1).

ii. Daripada 9568 yang telah mengembalikan borang pendaftaran, sebanyak 1778 berkaitan dengan Sijil Kelahiran, 913 berkaitan dengan Kad Pengenalan, 6566 Kewarganegaraan dan lain-lain sebanyak 311.

iii. Bilangan masyarakat India yang menyertai kempen dalam tempoh 8 hari ini membuktikan keyakinan masyarakat India terhadap keupayaan Jabatan Pendaftaran Negara dapat menyelesaikan masalah dokumentasi mereka dan menghubungkan masyarakat India dengan perkhidmatan kerajaan yang selama ini hanya mendapat rungutan.

iv. Sebagai susulan pegawai-pegawai kordinasi peringkat negeri telah dilantik dan beberapa program Mydaftar dianjurkan di beberapa pekan diseluruh negara untuk membantu menyelesaikan kes-kes yang belum menyerahkan borang permohonan.

Jadual 1 : Taburan mereka yang telah mengunjungi JPN

No	Perkara	Telah menyerahkan Borang	Tidak menyerahkan Borang	Jumlah
1	Sijil Kelahiran	1778	1768	3546
2	Kad Pengenalan	913	1656	2569
3	Kewarganegaraan	6566	920	7486
4	Lain-lain (Perkawinan/ penceraian , ubah & tambah maklumat / butiran)	311	970	1281
JUMLAH		9568	5314	14882

Jadual 2 : Taburan mereka yang telah mengembalikan borang pendaftaran

No		Lengkap	Tidak Lengkap (Boleh Proses)	Tidak Lengkap	Jumlah
1	Sijil Kelahiran	916	457	405	1778
2	Kad Pengenalan	739	145	29	913
3	Kewarganegaraan				6566
4	Lain-Lain	190	94	27	311
JUMLAH		1845	696	461	9568

v. Satu Majlis Penyerahan Dokumen Pengenalan Diri Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan telah diadakan pada 29 Julai 2011 (Jumaat), jam 9.30 pagi bertempat di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC). YB. Datuk Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia berserta YB. Dato' Seri Hishamuddin, Menteri Dalam Negeri telah hadir untuk menyerahkan Dokumen ini kepada para pemohon yang berjaya.

vi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju untuk menyerahkan Dokumen Sijil Kewarganegaraan yang telah siap kepada para pemohon di satu Majlis yang akan diadakan sebelum sambutan Hari Deepavali 2011. Sehingga akhir Julai 2011 kes yang telah diluluskan :

Bil	Kategori	Lulus
1	Kewarganegaraan	72
2	Daftar Lewat Kelahiran	716
3	Pindaan Maklumat Dim BC	13
4	Anak Angkat	1
4	Daftar Perkhawinan	222
5	Kad Pengenalan	618
JUMLAH		1642

7.9. KARNIVAL MYSKILLS

- i. Karnival ini merupakan suatu usaha untuk membantu membimbing serta menempatkan remaja dan belia-belie India untuk mengikuti program latihan kemahiran dibawah tajaan kerajaan. Kajian menunjukkan kebanyakan remaja dan belia India yang tercicir dalam pelajaran dan yang gagal dalam peperiksaan SPM tidak melanjutkan pelajaran/latihan kemahiran dalam mana-mana Institusi Kerajaan atau Swasta.
- ii. Oleh itu Karnival MySkills ini berhasrat untuk menempatkan sekurang-kurangnya 6000 pelajar India di Institusi-Institusi latihan kemahiran kerajaan. ini secara tidak langsung dapat menghindar remaja dan belia India dari terjerumus dalam kegiatan masalah sosial dan meningkatkan taraf kehidupan keluarga mereka.
- iii. Karnival MySkills 2011 telah dianjurkan di lapan buah negeri:
 - 25.6.2011 - Melaka
 - 3.7.2011-WPKL
 - 9.7.2011-Seremban

- 15.7.2011-Ipoh
- 16.7.2011 - Bentong, Pahang
- 23.7.2011 - Johor Bahru
- 27.7.2011 - Sungai Petani
- 6.8.2011 - Pulau Pinang

iv. Seramai 16,700 orang telah mengunjungi Karnival ini. Mereka terdiri dari pelajar-pelajar, remaja, belia dan para ibubapa.

Rajah : Penempatan Pelajar-Pelajar India di Institusi-Institusi latihan kemahiran kerajaan

No	Institut	Peruntukan Tempat	Yang Pohon	Yang ditawarkan	Telah Daftar	Sesi Kemasukan
1	Institusi Latihan Perindustrian (ILP)	1,438	400	*361	196	Julai 2011 Jan 2012
2.	Institusi Kemahiran Belia & Negara (IKBN)	160	80	80	*18	Julai 2011 Jan 2012
3.	Construction Industrial Development Board (CIDB)	1000	120	120	*20	Okt 2011 Nov 2011 Dis 2011 Jan 2012
4.	National Agricultural Training Council (NATC)	35	200	*4	2	Julai 2011 Nov 2011 Jan 2012
5.	Skim Perantisan (PSMB)	200	380	*360	*TBC	Oct 2011
6.	Skim Latihan Dual Nasional (SLDN)	300	1010	*431	*TBC	Sept 2011 Jan 2012
7.	Kolej Komuniti	3500	400	*330	*3	Okt 2011 Jan 2012
	JUMLAH	6,633	2,590	1,686	239	

*Nota:

Kesemua angka di atas tertakluk pada perubahan; (i) disebabkan sesi kemasukan yang berbeza (ii) institusi baru memaklumkan tawaran pada pelajar (iii) tindakan susulan oleh pihak institusi yang memakan masa (iv) pelajar tidak dapat dihubungi

i. Jawatankuasa Kabinet memutuskan penyertaan kaum India dalam sektor Awam perlu ditingkatkan dari 4.6% kini kepada 7.4%. Sehingga November 2010, sebanyak 43,800 kaum India telah

memohon pekerjaan di sektor Awam. Daripada jumlah ini sebanyak 2100 telah diantik ke perkhidmatan awam dan ini merupakan 5.19% daripada jumlah keseluruhan lantikan SPA sehingga 30 Nov 2010.

ii. Tindakan yang dicadangkan:

- Meningkatkan ke 10% pengambilan kaum India diperkhidmatan awam untuk tempoh 2 tahun (2011 & 2012) bagi mencapai 7.4% sepertimana diputuskan oleh Jawatankuasa Kabinet.
- Memperuntukan sebanyak 2000 kekosongan Jawatan untuk kaum India di sektor kerajaan dan badan berkanun serta Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC). Jawatan-jawatan tersebut perlulah dari kategori bernilai tinggi (high value added jobs). Senarai agensi adalah seperti berikut:

- o Polis DiRaja Malaysia
- o Angkatan Tentera Malaysia
- o TELEKOM
- o PETRONAS
- o Tenaga Nasional Berhad

- o Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- o Keretapi Tanah Melayu Berhad
- o HICOM Holdings Berhad
- o SIRIM Berhad
- o Pos Malaysia Berhad
- o MISC Berhad

7.11. MEMPERLUASKAN PELUANG PERNIAGAAN UNTUK MEMBENTUK USAHAWAN INDIA

i. SITF dapati ramai masyarakat India ingin menceburi bidang perniagaan. Walaubagaimanapun, peluang untuk mendapatkan latihan kemahiran dalam sesuatu bidang perniagaan, serta kempen-kempen yang mempromosi peluang keusahawan di kalangan masyarakat India adalah kurang.

ii. Ini menyebabkan SITF mengambil inisiatif untuk:

a. Membanqun Peniaga kecil

- Mefokuskan kepada golongan wanita / ibu tunggal untuk menjana pendapatan tambahan bagi keluarga mereka
- Jenis latihan kemahiran khusus yang disyorkan adalah:

✓ Mengait kalung bunga s

Jahitan

S Salon / Terapi kecantikan (gunting rambut ; persolekan)

S Masakan / Kulinari (kek ; pastri; konfeksionari)

- Dicadangkan satu modul latihan untuk kemahiran diatas disediakan dan diajar menerusi Kolej-Kolej Komuniti
- Sejumlah peruntukan modal pelancaran perniagaan kecil juga perlu disediakan untuk golongan ini selepas mereka menamatkan latihan ini.

b. Pembentukan satu Mailis Penasihat Pambanquan Perniagaan
(Business Advisory Council)

- J/kuasa Khas untuk memantau penglibatan masyarakat India dalam perniagaan berskala besar perlu di tubuhkan
- J/kuasa ini akan memberikan nasihat, tunjuk ajar dan membantu serta menyelaraskan peniaga-peniaga India menceburi perniagaan berskala besar
- Mereka yang berpengalaman dalam bidang perbankan, pinjaman perniagaan dan pengurusan perniagaan akan menganggotai Majlis ini.

7.12. ISU BERKAITAN POLIS

i. Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah memberikan kerjasama yang erat dan berkesan kepada Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan (SITF) dalam menangani beberapa isu / masalah berkaitan dengan masyarakat India. SITF amat berterima kasih kepada PDRM diatas kesanggupan dan keprihatinan pegawai-pegawainya membantu SITF dalam usaha-usaha selama ini dan program-program akan datang. Diantara penglibatan pihak PDRM

sehingga kini adalah :

- ii. Pada 9 Mei 2011, kebenaran telah diberikan oleh PDRM untuk membolehkan Urusetia SITF melawat pesalah Juvana (17 Tahun) di *Lock-up* (tahanan) di Balai Polis Kangkar Pulai, Johor atas kesalah bersuhabat dalam kegiatan mencuri besi buruk. Dalam perjumpaan Juvana ini insaf dengan perbuatannya bersama beberapa rakan dewasa.
- iii. Satu program Sehari Bersama Polis diadakan di IPD Shah Alam pada 23 April 2011 (Sabtu) khususnya untuk remaja-remaja India. Timbalan Ketua Polis Negara turut serta dalam program ini dan mendapat sambutan yang mengallakan dari para remaja.
- iv. Mengambil bahagian dalam Program Mesra Rakyat yang diadakan dengan menyediakan kaunter perkhidmatan. Diantara perkhidmatan yang diberikan adalah pendaftaran Rakan Cop, memberi nasihat dan penjelasan keatas kemuskilan berkaitan PDRM yang dikemukakan.
- v. Tiga dialog diadakan oleh SITF dengan PDRM beserta agensi yang berkaitan untuk menyelesaikan masalah masyarakat:
 - Pada 8 Okt 2010, SITF yang diwakili oleh Y. Bhg. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Setiausaha SITF dan Y. Bhg. Dato' Siva Subramaniam, Pakar Rujuk SITF bersama PDRM mengadakan satu perbincangan dengan Guru, Ibubapa, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pembangunan Wanita. Perbincangan ini berjaya

menyelesaikan kes perselisihan faham di antara kaum yang berlaku di sebuah Sekolah di Sepang.

- Pada 1 Dis 2010, SITF dengan kerjasama dari Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak, satu sesi dialog mengenai isu-isu gangsterisme di kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Batu 16, Rawang dan Sekolah Menengah Seri Garing, Rawang telah diadakan. Objektif dialog ini adalah untuk mengenalpasti tahap tata tertib di Sekolah dan membincangkan kaedah-kaedah yang dapat digunakan untuk mengatasinya. Pengetua dan PIBG sekolah berkenaan telah hadir untuk berkongsi maklumat dan cadangan. Y. Bhg. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Setiausaha SITF dan Y. Bhg. Dato' Siva Subramaniam, Pakar Rujuk SITF telah menghadiri sesi dialog ini.
- Pada 13 Mei 2011 Satu Sesi Dialog dengan Ibu Pejabat Polis Daerah Manjung, Perak telah diadakan. YDH ACP Mohd Jamil Bin Osman, Ketua Polis Daerah Manjung telah mengetuai bagi pihak Polis Daerah Manjung dan Y. Bhg. Dato' Siva Subramaniam, Penasihat SITF telah
mengetuai bagi pihak SITF, Pemimpin Tempatan, wakil NGO dan pihak Sekolah. Sesi Dialog ini merangkumi Perbincangan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah di Manjung; masalah kongsi gelap dikalangan remaja; statistik jenayah dan dadah melibatkan remaja.
- vi. Pegawai-pegawai PDRM dari 6 daerah Program Mesra Rakyat telah menghadiri satu Bengkel Pembangunan Sosial dan

Kaunseling yang dianjurkan oleh SITF dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita keluarga dan Masyarakat dan Institut Sosial Malaysia (ISM) dari 7 - 9 Disember 2010 di ISM, Sungai Besi Kuala Lumpur. Berserta dengan waki-wakil dari agensi kerajaan lain dan pemimpin-pemimpin tempatan dari daerah-daerah berkenaan, bengkel ini telah merangka satu kaedah yang berkesan dan efektif dalam penyelesaian masalah gejala social dan jenayah dikalangan masyarakat India.

7.13. Tindakan masa hadapan

- i. Dialog diantara SITF, Ketua Polis Negara dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) akan diadakan untuk mengenalpasti dan mencari kaedah yang sesuai dalam mencegah kejadian jenayah di kalangan masyarakat India.

- ii. PDRM melalui mesyuarat agensi peringkat daerah yang diadakan oleh SITF telah mengenalpastikan beberapa kawasan berisiko tinggi di kejiranan 'neighborhoods' (banyak kejadian jenayah dikalangan masyarakat India berlaku). Diantaranya di Paya Besar, Lunas, Daerah Kulim dan di kawasan Tenamaram, daerah Kuala Selangor. Untuk tahun 2011, beberapa kawasan berisiko tinggi di 24 daerah lagi akan dikenalpastikan dengan bantuan PDRM.

7.14. PEMINDAHAN SEMULA KE KAWASAN BARU (SEKOLAH TAMIL KEKURANGAN PELAJAR)

i. Dalam Fasa pertama, sebanyak 13 buah sekolah kurang dari 10 orang murid perlu di pindah semula ke kawasan baru yang mempunyai populasi kaum India yang tinggi kepadatannya.

ii. Proses untuk mengenalpasti dan mendapatkan kawasan tanah yang bersesuaian sedang diusahakan oleh SITF dengan pihak pengurusan sekolah dan pemimpin tempatan.

iii. Peruntukan diperlukan dari Kerajaan untuk pembinaan bangunan sekolah ini dikawasan-kawasan yang telah dikenalpasti.

iv. Dalam Fasa kedua, penumpuan akan diberikan kepada sekolah yang mempunyai diantara 11 hingga 25 murid.

8. Penyelesaian kepada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat India memerlukan intervensi dalam jangkamasa panjang. Apa yang dikenalpasti adalah perubahan minda (*Mindset change*) amat diperlukan oleh golongan ini dalam menyelesaikan masalah mereka dan bukan setakat mencari jalan mudah dengan mengharapkan bantuan wang dari kerajaan semata-mata.

9. Proses transisi perubahan telah dan sedang berlaku dikalangan mereka dan kesannya dapat dilihat dalam jangkamasa panjang.

Tuan Yang Di Pertua,

Diantara usaha yang telah dijalankan adalah tumpuan telah diberikan kepada “*Capacity building*” untuk pemohon Jabatan Kebajikan Masyarakat kearah berusaha untuk mencari pendapatan melalui Program Azam (melalui Azam Kerja, Azam Tani, Azam Khidmat dan Azam Niaga). Melalui program ini, mereka yang bergantung kepada bantuan kebajikan (*Dependent Welfare*) dapat digerakkan kepada mereka yang produktif melalui inisiatif kebajikan (*Productive Welfare*). Peluang meningkatkan pendapatan melalui pinjaman mikro untuk berniaga dengan kerjasama program di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Program TEKUN juga giat dijalankan. Peluang mendapatkan pekerjaan melalui pendaftaran dan penempatan pekerjaan di Portal JobsMalaysia. Mengalakkan menyertai skim kemahiran latihan menerusi Kolej Komuniti, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
BAGI JAWAB
LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

**DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN
[PENDANG]**

4 OKTOBER 2011

TARIKH

4040

RUJUKAN

SOALAN:

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pampasan dan imbuhan yang diberikan kepada anggota PKM selepas perletakan senjata berikutan daripada Perjanjian Damai Haatyai pada 2 Disember 1989.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pendang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sejumlah RM 8,000 (Ringgit Malaysia lapan ribu) subsidi secara *one off* dengan izin, dan RM 300 (Ringgit Malaysia tiga ratus) subsidi bulanan selama tiga tahun telahpun diberikan kepada 340 orang bekas anggota Parti Komunis Malaya yang telah kembali pulang ke Malaysia setelah perjanjian perletakan senjata pada 2 Disember 1989.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kedua-dua subsidi yang diberikan itu adalah merupakan belas ehsan Kerajaan kerana mereka dengan rela hati untuk kembali ke Malaysia bagi memulakan kehidupan baru.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN ER TECK HWA

(BAKRI)

TARIKH

04.10.2011

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**SOALAN:**

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru-guru di sekolah rendah yang mempunyai diploma TESL. Senaraikan sekolah-sekolah di seluruh negara dengan pecahan SJK, SJKC, SJKT dari tahun 2009 hingga 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan guru yang memiliki Diploma TESL. di peringkat sekolah rendah seluruh negara bagi Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dari tahun 2009 hingga 2011 adalah seramai 934 orang. Pecahan mengikut tahun dan jenis sekolah adalah seperti berikut:

Tahun	Jenis Sekolah Rendah			JUMLAH
	SK	SJKC	SJKT	
2009	249	19	9	277
2010	269	19	23	311
2011	302	20	24	346
JUMLAH	820	58	56	934

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 3 Oktober 2011, bilangan Sekolah Kebangsaan (SK) adalah sebanyak 5,900 buah, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) pula sebanyak 1,292 buah, manakala bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) sebanyak 523 buah. Ini bermakna jumlah keseluruhan sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan di negara ini

berjumlah 7,715 buah.

Rjm 02

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH]
TARIKH	4 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN:

Dato* Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian Kerajaan berhubung dakwaan dalam Konvensyen memperkasa Model Baru Ekonomi: Satu Jihad Ekonomi Bumiputera pada 19 Ogos 2011 bahawa gaji permulaan Bumiputera di pasaran lebih rendah berbanding dengan etnik lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Berhormat,
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA**

Pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai maklumat yang lengkap dan terperinci dalam menentukan perbezaan tahap gaji permulaan Bumiputera berbanding etnik lain. Ini adalah kerana tahap gaji permulaan seseorang graduan ditentukan oleh pelbagai faktor seperti jenis pekerjaan, skop kerja, jenis organisasi pekerjaan, sektor pekerjaan dan sebagainya. Oleh itu, tidak ada satu fakta yang konklusif dalam menyatakan gaji permulaan Bumiputera lebih rendah berbanding etnik lain.

Namun demikian, Kerajaan dengan bantuan pakar runding sedang menjalankan satu kajian untuk melihat penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi secara lebih komprehensif termasuk dari segi pendapatan, pendidikan, guna tenaga, penguasaan pengurusan, kekayaan dan keusahawanan. Kajian ini adalah merupakan salah satu langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mendapatkan hala tuju dan kaedah yang lebih berkesan bagi mengatasi masalah gaji permulaan graduan Bumiputera yang lebih rendah di pasaran berbanding etnik lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian awal yang sedang dibuat, secara umumnya gaji permulaan Bumiputera lebih rendah berbanding etnik lain. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor dalaman seseorang graduan seperti kelayakan akademik, kepakaran, kebolehan berbahasa Inggeris, kemahiran interpersonal dan kemahiran komunikasi. Faktor luaran seperti jenis pekerjaan yang diceburi dan sektor pekerjaan yang dipilih juga menentukan gaji permulaan seseorang graduan. Kajian ini kelak diharap dapat dijadikan rujukan bagi tujuan perancangan program

modal insan supaya dapat menyeimbangkan gaji permulaan graduan antara etnik.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
[KUBANG KERIAN]

TARIKH : 4 OKTOBER 2011

RUJUKAN : 4041

SOALAN:

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan syarikat manakah yang membekalkan peralatan sistem biometrik untuk Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja/ Pendatang Asing Tanpa Izin (Program 6P) dan nyatakan tujuan penggunaan bayaran RM300 yang dikutip semasa proses pemutihan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, NERS Sdn. Bhd. adalah syarikat yang bertanggungjawab membekalkan peralatan sistem biometrik Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja/ Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) (Program 6P). Ia adalah sebahagian daripada skop kerja Perjanjian Konsesi Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional atau dikenali sebagai NERS yang ditandatangani Kerajaan dan NERS Sdn. Bhd.

Proses pemutihan yang akan dilaksanakan kelak di bawah program 6P dilakukan di pejabat-pejabat Jabatan Imigresen Malaysia dan Syarikat Pengurus yang dilantik Kerajaan. Tiada bayaran tambahan dikenakan kepada PATI jika proses pemutihan dilakukan terus di pejabat imigresen. Walau bagaimanapun, caj sebanyak RM300 akan dikenakan oleh Syarikat Pengurus sekiranya PATI menggunakan khidmat syarikat tersebut. Tujuan Kerajaan membenarkan Syarikat Pengurus mengutip bayaran sebanyak RM300 untuk Proses Pemutihan adalah merupakan bayaran untuk perkhidmatan seperti mendapatkan dokumen sah dari Kedutaan/Pesuruhjaya Tinggi, mendapatkan kerja bagi PATI dan penyediaan dokumentasi, menghubungkan/memadankan PATI dengan majikan serta memudahkan urusan berkaitan pembayaran levi.

DEWAN RAKYAT
Di samping itu, dia tersebut juga untuk menampung perbelanjaan tidak langsung meliputi bayaran sewa peralatan, bayaran sewa pejabat, bayaran gaji kakitangan, bayaran utiliti, bayaran alat tulis dan lain-lain oleh Syarikat Pengurus.

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH 4 OKTOBER 2011
RUJUKAN 4042

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah hasil siasatan dan tindakan PDRM terhadap mereka yang bertanggungjawab dan terlibat dalam demonstrasi ganas yang dipimpin oleh Senator UMNO, Mohamad Ezam Mohd Nor pada 1 Julai 2011 di George Town dan di tengah-tengah Jambatan Pulau Pinang sehingga menyebabkan kesesakan jalan sepanjang 10km dan serangan ganas terhadap dua wartawan yang bertugas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bagan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, berhubung dengan kejadian yang melibatkan Senator UMNO, Mohamad Ezam Mohd Nor, pihak PDRM telah pun menjalankan siasatan terhadap beliau di bawah Seksyen 27 (5) Akta Polis dan Seksyen 108 Kanun Keseksaan dimana beliau sendiri telah ditahan bersama yang lain pada hari kejadian dan diberikan jaminan polis. Manakala bagi isu serangan ganas terhadap dua wartawan yang bertugas semasa demonstrasi tersebut pula, pihak PDRM telah menyiasat kes ini di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan .

Ketiga-tiga kertas siasatan tersebut telah pun dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya dan telah pun mendapat arahan lanjut bagi mengesan saksi-saksi bebas di dalam kes-kes tersebut. Sehingga kini pihak polis sedang giat meneruskan siasatan bagi mengesan saksi-saksi bebas dan mengumpulkan keterangan yang kukuh berhubung kes-kes berkenaan. Kesemua kertas siasatan berkenaan akan dikemukakan kembali kepada

Jabatan Peguam Negara setelah siasatan selesai dijalankan bagi mendapatkan arahan dan nasihat lanjut.

jm. AUP : ^
*/No- 00^t/VN -• *26*

LISAN
PERTANYAAN :
TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [
DARIPADA: **IPAH BARAT**]
PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN BAGI
JAWAB LISAN 4 OKTOBER 2011
TARIKH: **DEWAN RAKYAT**
4043
RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan rekomendasi yang mana dari Suruhanjaya Di Raja untuk meningkatkan sistem operasi dan pengurusan Polis Di Raja Malaysia (diketuai oleh Tun Dzaidin) dilaksanakan dan ditolak.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, terdapat sebanyak 125 cadangan penambajaan oleh Suruhanjaya Diraja bagi meningkat sistem operasi dan pengurusan Polis Diraja Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 88 cadangan telahpun dilaksanakan, 25 cadangan dalam proses pelaksanaan, 8 cadangan tidak dilaksanakan dan 1 cadangan masih di peringkat kajian.

DARIPADA : Y.B. TUAN TAN TEEBENG

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

(NIBONG TEBAL)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.10.2011

Y.B. TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah peratusan saham di dalam Bursa Saham Malaysia yang dipegang oleh syarikat-syarikat kewangan Amerika dan Eropah, berbanding dengan saham yang dimiliki oleh syarikat-syarikat kewangan tempatan. Adakah Kerajaan berkemampuan untuk menghadapi krisis kewangan sekiranya Amerika dan Eropah sekali lagi meletupkan krisis kewangan dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pemegangan ekuiti di Bursa Malaysia oleh institusi perbankan dan syarikat insurans tempatan adalah kecil, mencakupi 2.6% daripada nilai permodalan pasaran (*market capitalisation*) pada akhir Jun 2011. Pemegangan keseluruhan oleh pelabur bukan pemastautin adalah sebanyak 22% daripada nilai permodalan pasaran.

2. Kedudukan kewangan yang kukuh di samping tahap dedahan yang kecil mengukuhkan keupayaan negara untuk menghadapi penularan risiko dan peningkatan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan akibat kebimbangan yang semakin meningkat terhadap isu hutang kerajaan di Eropah dan isu fiskal di Amerika. Pasaran kewangan Malaysia yang semakin matang juga berupaya untuk terus berfungsi dengan baik walaupun berhadapan dengan ketidaktentuan luaran.

3. Kedudukan sektor perbankan serta sektor insurans dan takaful yang teguh disokong oleh penampakan modal (*capital buffer*) yang kukuh, kualiti pinjaman yang stabil, dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi (pada akhir Julai 2011):

- (a) Nisbah modal wajaran risiko (*risk-weighted capital ratio, RWCR*) dan nisbah modal teras (*core capital ratio, CCR*) masing-masing berada pada tahap 14.3% dan 12.5%, dengan lebih modal bagi institusi perbankan pada tahap yang menggalakkan, iaitu sebanyak RM62 bilion (melebihi keperluan minimum 8% bagi RWCR). Manakala bagi sektor insurans dan takaful pula, kedudukan modal kekal kukuh dengan nisbah kecukupan modal pada 224.1% dan lebih modal sebanyak RM19.6 bilion;
- (b) Kualiti portfolio pinjaman sektor kewangan adalah stabil dengan pinjaman terjejas (termasuk peruntukan jejas nilai) mencakupi hanya 2% daripada pinjaman bersih. Perlindungan kerugian pinjaman pula kekal tinggi pada 97%;
- (c) Keuntungan sebelum cukai sektor perbankan meningkat sebanyak 17.2% bagi tempoh Januari hingga Julai 2011 berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas. Ini didorong terutamanya oleh aktiviti pembiayaan yang berterusan. Pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing pada 1.7% dan 18.1%. Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan bagi sektor insurans hayat dan takaful keluarga meningkat sebanyak 3.3% bagi tempoh yang sama, manakala keuntungan kendalian penanggung insurans am dan pengendali takaful am pula meningkat sebanyak 4.5%; dan

(d) Penampakan mudah tunai sistem perbankan secara keseluruhan kekal pada tahap yang memuaskan dan jauh melebihi keperluan kawal selia.

4. Impak langsung daripada faktor luaran yang tidak menentu di Amerika dan Eropah kepada sistem kewangan negara adalah terhad disebabkan oleh dedahan yang kecil dalam pelaburan pasaran ekuiti dan sekuriti yang didenominasikan dalam mata wang asing. Dedahan institusi perbankan dalam sekuriti yang didenominasikan dalam mata wang asing hanya sebanyak 0.6% daripada jumlah aset industri perbankan, manakala dedahan syarikat insurans hayat hanya mencakupi 0.7% daripada jumlah aset industri insurans hayat.

5. Berdasarkan ujian ketahanan (*stress tests*) yang dijalankan oleh sektor perbankan dan insurans, sistem kewangan negara, sama ada pada peringkat agregat atau institusi, mampu berhadapan dengan keadaan makroekonomi dan kewangan yang ekstrim tanpa menjejaskan keupayaannya untuk terus menyokong keperluan kewangan ekonomi negara. RWCR dan CCR sistem perbankan serta nisbah kecukupan modal industri insurans berada pada tahap yang melebihi keperluan kawal selia. Tambahan pula, asas dan pertumbuhan ekonomi negara adalah kukuh untuk menghadapi sebarang kelembapan ekonomi dunia.

O. AUP : »
No - SmprLfrN: 29T
LISAN

PERTANYAAN

DARIPADA **PEMBERITAHUAN** PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

PERTANYAAN BAGI

ARIKH **JAWAB LISAN**

DEWAN RAKYAT

RUJUKAN

4 OKTOBER 2011

4044

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kos yang perlu dibayar oleh majikan untuk mendaftarkan semula setiap pekerja asing. Sila nyatakan jumlah pendapatan yang diterima oleh pihak Kementerian dalam pendaftaran semula pekerja asing setakat 31 Ogos 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang caj bayaran dikenakan ke atas majikan untuk mendaftar semula pekerja asing mereka. Dengan demikian, majikan tidak perlu membayar sebarang kos dan Kementerian pula tidak menerima atau memperolehi apa-apa pendapatan daripada Proses Pendaftaran pekerja asing tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

: Y.B. DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)

DARIPADA : LISAN

: 04.10.2011

PERTANYAAN

TARIKH

**Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta
MENTERI KEWANGAN**

menyatakan keadaan KWSP termasuk jumlah dana, bilangan pencarum & kemudahan yang diberi kepadanya. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan wujudnya integriti di dalam semua aspeknya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 30 Jun 2011 jumlah aset KWSP adalah RM468.32 bilion. Dana Pelaburan KWSP pula adalah sebanyak RM462.54 billion dilabur dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia, pinjaman dan bon, ekuiti, instrumen pasaran wang dan hartanah.

2. Sehingga 30 Jun 2011, bilangan ahli ialah 12,930,261 orang di mana 6,114,771 atau 47.3% merupakan ahli aktif iaitu ahli yang mencarum sekurang-kurangnya sekali dalam tahun 2011. Tujuan simpanan KWSP adalah untuk persediaan kewangan bagi membiayai kehidupan apabila ahli bersara. Simpanan ahli terbahagi kepada dua akaun iaitu Akaun 1 dan Akaun 2. Akaun 1 mewakili 70 peratus daripada simpanan khusus untuk tujuan persaraan dan simpanan Akaun 2 pula ialah 30 peratus simpanan untuk tujuan pengeluaran sebelum ahli mencapai umur 55 tahun (pra-persaraan).

3. Simpanan dalam Akaun 1 hanya boleh dikeluarkan apabila ahli mencapai umur 55 tahun. Bagaimanapun, ahli yang layak boleh memindahkan sebahagian daripada simpanan dalam Akaun 1 untuk dilaburkan dalam unit saham amanah melalui institusi pengurus dana yang diluluskan oleh KWSP. Pelaburan ini bertujuan untuk memberikan ahli lebih pilihan untuk melaburkan simpanan mereka bagi menambah jumlah simpanan dalam akaun persaraan ahli.
4. Simpanan dalam Akaun 2 pula boleh dikeluarkan untuk membiayai pembelian/pembinaan rumah, mengurangkan atau menyelesaikan baki pinjaman rumah, membayar ansuran bulanan pinjaman perumahan, membiayai pengajian pendidikan ahli dan anak ahli di peringkat diploma dan ke atas, membiayai kos rawatan kesihatan untuk penyakit kritikal bagi ahli dan keluarga dan apabila ahli mencapai umur 50 tahun. Bagi ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM1 juta, mereka juga dibenarkan mengeluarkan kesemua simpanan yang melebihi RM1 juta tersebut untuk dilaburkan sendiri oleh ahli.
5. Selain daripada pengeluaran sebahagian simpanan tersebut, ahli juga boleh mengeluarkan kesemua simpanan apabila ahli telah mencapai umur 55 tahun, meninggalkan negara, telah disahkan hilang upaya atau meninggal dunia (bayaran kepada waris). Bagi anggota perkhidmatan awam yang telah diletakkan dalam taraf berpencen juga dibenarkan mengeluarkan kesemua simpanan KWSP dengan caruman bahagian majikan iaitu Kerajaan dipulangkan kepada Kumpulan Wang Persaraan (KWAP).
6. Sebagai sebuah badan amanah, KWSP sentiasa memastikan simpanan ahli KWSP adalah selamat dengan memastikan wujudnya integriti dalam semua aspek pengurusan dan operasi. KWSP mempunyai Jabatan Audit Dalam yang ditugaskan bagi memberikan jaminan munasabah ke atas sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses tadbir urus di KWSP melalui pengauditan dalaman yang menyeluruh.
7. Di samping itu, setiap proses kerja di KWSP mempunyai Manual Operasi (MO) atau prosedur kerja yang komprehensif. Manual Operasi atau Proses Kerja tersebut disemak oleh Jabatan Audit Dalam bagi memastikan kawalan

dalamannya adalah mencukupi. Selain itu, KWSP mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Fraud yang berfungsi memantau pelaksanaan Pelan Pengurusan Kawalan Fraud di KWSP yang turut merangkumi Polisi Anti Fraud KWSP dan Polisi Pendedahan Maklumat di KWSP. Di peringkat Lembaga, KWSP mempunyai Jawatankuasa Audit Lembaga, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan yang bertanggungjawab untuk membantu Lembaga KWSP dalam menilai keberkesanan kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses tadbir urus KWSP.

No. Soalan : [40]PR-

1243-L46884

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA **PERTANYAAN BAGI**
JAWAB LISAN TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
DEWAN RAKYAT
[SUBANG]

TARIKH 4 OKTOBER 2011

SOALAN Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta
PERDANA MENTERI menyatakan sama ada
Kerajaan bercadang meratifikasikan
PERTANYAAN : Konvensyen Menentang Penyeksaan dan
juga Kovenan Antarabangsa berkenaan Hak
Sivil dan Politik dan juga Hak Ekonomi,
Sosial dan Kebudayaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Y.B. [Subang] bersama soalan-

JAWAPAN:
soalan yang dikemukakan oleh:

® Y.B. [Klang] bertarikh 16 November 2011;

- Y.B. [Selayang] bertarikh 17 November 2011; dan ®

Y.B. [Subang] sekali lagi bertarikh 17 November 2011 kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia tidak menandatangani instrumen-instrumen antarabangsa iaitu Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politikal 1966 (*International Covenant on Civil and Political Rights - ICCPR*) ; Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan 1966 (*International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights - ICESCR*); dan Konvensyen mengenai Penyeksaan 1984 (*Convention Against Torture - CAT*), kerana tempoh masa untuk menandatangani dan meratifikasi instrumen-instrumen tersebut telah luput. Ini bermakna Kerajaan hanya boleh menyertai atau, dengan izin, 'accede to' instrumen-instrumen sahaja.

3. Saranan penyertaan Malaysia ke instrumen-instrumen antarabangsa mengenai hak asasi manusia seperti ICCPR, ICESCR dan CAT ini pernah dibangkitkan beberapa kali. Oleh kerana Malaysia memandang serius akan komitmennya sebagai negara yang bertanggungjawab, persediaan menyeluruh perlu dilaksanakan terutamanya dalam memastikan semua peruntukan instrumen berkenaan boleh diaplikasikan melalui rangka perundangan negara. Di samping itu, undang-undang sedia ada

perlu disemak bagi memastikan ia tidak bercanggah dengan peruntukan instrumen yang disertai. Bagi mengkaji kemungkinan Malaysia menjadi Negara Pihak kepada instrumen-instrumen ini, Kerajaan telah mewujudkan Jawatankuasa Antara Kementerian dan Agensi.

4. Bagi Konvensyen mengenai Pelarian pula, Kerajaan perlu melihat kesan penyertaan negara ke dalam Konvensyen tersebut dari segi keselamatan dan kesejahteraan rakyat keseleruhannya, gejala sosial berikutan kehadiran 'warga-warga pelarian' dan lain-lain lagi. Aspek beban kewangan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan juga adalah satu perkara yang perlu diambil perhatian. Negara-Negara Pihak kepada Konvensyen berkenaan mempunyai obligasi yang perlu dipatuhi kepada seperti pemberian kemudahan kesihatan percuma dan akses kepada kemudahan pelajaran.

5. Kita perlu ambil maklum bahawa faktor kedudukan geografi Malaysia yang strategik di rantau Asia Tenggara, persekitaran politik yang stabil dan keharmornian negara telah menjadi satu daya penarik (*pull factor*) kepada ramai pihak untuk datang ke Malaysia, termasuklah individu-individu yang memohon status 'pelarian'. Perkara ini menjadi dilema kepada Kerajaan kerana walaupun Malaysia masih tidak menjadi Negara Pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian Tahun 1951 (*Convention relating to the Status of Refugees 1951*). Kita menyaksikan bilangan individu yang didaftarkan oleh UNHCR semakin bertambah dari hari ke hari, terutamanya semenjak tempoh lima tahun yang lalu. Sehingga 1 Ogos 2011, seramai 94,775 individu telah diberi kad UNHCR.

6. Berhubung keputusan Mahkamah Tinggi Australia mengenai

perjanjian pertukaran pemohon suaka politik antara Malaysia dan Australia, ingin ditegaskan di sini bahawa keputusan tersebut tidak menyentuh Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Kerajaan memandang keputusan ini, dan oleh mana-mana Mahkamah negara lain sebagai satu urusan dalaman negara tersebut dan tidak akan dicampuri oleh Malaysia. Oleh itu, keputusan Mahkamah Tinggi tersebut tidak mempunyai impak ke atas keputusan Malaysia untuk menyertai atau sebaliknya.

7. Walaupun Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian Tahun 1951, saya ingin menekankan bahawa negara kita, atas dasar perikemanusiaan, dari semasa ke semasa, menghulur bantuan kemanusiaan sama rata kepada individu-individu yang telah diiktiraf oleh UNHCR sebagai 'pelarian' dan diberi kad UNHCR tanpa mengira kewarganegaraan. Komitmen negara ini telah terbukti semenjak dari tahun 1975 dengan membantu 'pelarian' daripada Indo-China.

8. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, hak asasi individu dan berkumpulan sudah sememangnya digariskan dalam Perlembagaan kita. Perbincangan diadakan bukan sahaja dengan pelbagai agensi Kerajaan, tetapi juga dengan masyarakat madani bagi memastikan bahawa pemberian hak kepada satu kumpulan tidak mencabuli hak kumpulan yang lain. Di samping itu, penyertaan Malaysia dalam instrumen hak asasi antarabangsa perlu dihalusi dengan mengambil kira aspek sosio-ekonomi, budaya, sejarah serta keselamatan negara. Komitmen negara terhadap obligasi antarabangsanya dengan memastikan tiada percanggahan antara obligasi negara dan undang-undang sedia

ada dan yang digubal merupakan salah satu faktor mengapa Malaysia disegani dan dihormati di mata dunia.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

TUAN FONG KUI LON

SOALAN NO.41

[BUKIT BINTANG]

TARIKH PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
4 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Fong Kui Lon [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kedudukan laporan kajian penilaian sosial dan lalulintas ke atas projek pembinaan jajaran Mass Rapid Transit (MRT) yang melalui Pusat Bandar terutama Jalan Sultan dan Bukit Bintang dan apakah langkah-langkah untuk menghindarkan kesesakan lalulintas apabila projek pembinaan bermula.

SOALAN

NO.41 JAWAPAN: YBDATUKHAJIAHMADBIN HAJI

MASLAN

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian impak kepada penduduk di sepanjang jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang telah dilaksanakan bersama Kajian Impak Alam Sekitar atau *Environment Impak Assessment* (EIA). Kajian tersebut telah mengenai pasti semua

impak-impak negatif dan menetapkan langkah-langkah yang perlu dan mesti diambil oleh pemilik projek untuk menghindar ataupun mengatasi mana-mana kesan negatif termasuk di Jalan Sultan dan Bukit Bintang.

Kajian impak lalulintas untuk projek ini juga telah dilaksanakan dan satu pelan pengurusan lalulintas ataupun *traffic management plan* telah dirangka. Pelan tersebut merangkumi segala tindakan yang diperlukan untuk mengatasi masalah lalulintas yang mungkin berlaku akibat projek ini. Antara langkah-langkah adalah keperluan untuk memastikan terdapat papan tanda yang mencukupi, penjaga lalulintas, dan pengumuman penutupan jalan ataupun lencongan melalui media. Pemilik projek juga perlu memastikan bahawa terdapat lorong yang secukupnya disediakan untuk lencongan jalan.

Sekian, terima kasih.

.AUP : 1^

A(0. S"OA-IAAf: _

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
DEWAN RAKYAT TUN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH

4 OKTOBER 2011

RUJUKAN

4045

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada satu laporan bertajuk "70 abducted by policemen have vanished" di laman Free Malaysia Today bertarikh 30.6.2011 di mana dinyatakan rakyat ditahan polis hilang telahpun disiasat dan apakah tindakan Kerajaan berkenaannya dan apakah hasil siasatan dalam laporan-laporan polis no USJ8/003922/11 dan Seri Kembangan /003592/11.

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN:
Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berkaitan laporan polis USJ8 Rpt:3922/11 dan Seri Kembangan Rpt: 3592/11 telah dibuat, kedua-duanya adalah merupakan laporan berkaitan kes yang sama. Kertas siasatan (IP) telah dibuka untuk report Seri Kembangan Rpt:3584/11 dan kes telah disiasat di bawah Seksyen 365 Kanun Keseksaan (KK), iaitu menculik dan melarikan seseorang dengan niat hendak mengurungnya dengan sulit dan dengan salah. Kes ini masih lagi dalam siasatan pihak polis.

Berkenaan seramai tujuh puluh orang (70) yang dikatakan telah diculik dan dihilangkan oleh pihak polis, perkara tersebut merupakan tohmahan atau fitnah semata-mata kerana tiada sebarang laporan polis dibuat berkenaan kehilangan-kehilangan tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi dalam siasatan pihak polis.

DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK

NO SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

(RASAH)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.10.2011

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kos yang telah ditanggung oleh Kerajaan untuk mengambil alih dan membiayai Indah Water Konsortium (IWK) sejak syarikat ini dinasionalisasikan melalui Ministry of Finance Incorporated, jumlah hutang terkini dan mengapa kini Kerajaan bercadang menswastakannya kepada 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2000, Kerajaan telah mengambilalih ekuiti IWK dengan bayaran sebanyak RM192 juta. Kerajaan juga telah membelanjakan lebih kurang sebanyak RM1.2 bilion bagi menampung defisit operasi IWK disebabkan oleh kadar tarif pembedaan yang rendah berbanding kos operasi sebenar perkhidmatan pembedaan yang disediakan. Jumlah liabiliti IWK sehingga Jun 2011 di mana sebahagian besar daripadanya merupakan Pinjaman Sokongan Kerajaan adalah sebanyak RM1.98 bilion manakala nilai aset pula adalah lebih kurang sebanyak RM1.2 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan tidak bercadang untuk

menswastakan IWK buat masa ini. Sebaliknya, Kerajaan menyokong cadangan dan usaha yang sedang diterajui oleh pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang melibatkan tiga (3) inisiatif iaitu penstrukturan semula industri pembetungan, kajian semula tarif pembentungan dan pembiayaan perbelanjaan modal yang terjamin.

NO SOALAN

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**